

GEJALAPONTENGSEKOLAHANTARAPARA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Projek ini diserahkan kepada Sekoiah Siswazah sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat untuk
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)
Universiti Utara Malaysia.

Oleh.

MAT KILAU BIN IDRIS

© Mat Kilau bin Idris, 1997, Hak cipta terpelihara.

KEBENARAN MENGGUNA

Tesis ini adalah sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengajian lepasan Ijazah Universiti Utara Malaysia (UUM). **Saya** bersetuju supaya pihak perpustakaan UUM menggandakan tesis ini **bagi** tujuan rujukan. **Saya juga** bersetuju **memberi** kebenaran untuk dibuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya **bagi** tujuan akademik dengan kebenaran daripada penyelia **saya** atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran **tersebut** boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke **atas** keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk perolehan kewangan tidak dibenarkan **tanpa** kebenaran bertulis daripada **saya**. Di **samping** itu pengiktirafan kepada **saya** dan UUM seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini. Permohonan untuk membuat salinan atau lain-lain kegunaan **sama ada** secara keseluruhan atau sebahagiannya boleh dibuat dengan menulis kepada:

Dekan Sekolah Siswazah,
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok, Jitra,
Kedah Darul **Aman**

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk [a] mencari perhubungan di antara empat pembolehubah bebas dengan kejadian ponteng sekolah di kalangan pelajar Tingkatan Empat dan [b] menentukan di antara keempat-empat pembolehubah itu yang manakah lebih bersifat mempengaruhi perlakuan ponteng sekolah. Empat aspek yang dikaji adalah faktor sekolah, masalah diri pelajar pengaruh rakan sebaya dan faktor persekitaran.

Kajian ini melibatkan pelajar Tingkatan Empat yang sememangnya mempunyai rekod ponteng sekolah daripada enambelas buah sekolah menengah di Daerah Hilir Perak. Persampelan adalah terdiri daripada 720 orang pelajar. Data dikumpulkan melalui soal selidik dan temu bual. Satu kajian rintis telah diadakan untuk mengkaji kesahan soal selidik (Cronbachs Alfa=0.7712). Data dianalisis mengikut kaedah statistik taburan, korelasi dan regrasi dengan menggunakan software SPSS Version 7.5.

Keputusan kajian menunjukkan masalah diri pelajar dan persekitaran adalah merupakan faktor yang paling dominan dan mempengaruhi perlakuan ponteng sekolah bagi pelajar-pelajar di Daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan.

ABSTRACT

*The purpose of this study was to investigate (a) the correlation between four independent variables and **truancy** among ~~form~~ four ~~students~~ and (b) to identify which of among the four ~~independent~~ variables influences the act of absenteeism in schools. Four aspects has been taken into account **namely** school factors, problems faced by the **student**, influences among peer group and environmental factors.*

*This study was done on the form four students which had the highest record **of** absenteeism among sixteen secondary school in the Lower **Perak** District. The sample consisted of 1 20 students. A self- **constructed 40-items questionnaires** were used for data collection **to** measure the variables. T-he data **was** collected' through questionnaires and interviews. A pilot test was carried out to ensure the validity and **reliability** of the instrument (Cronbach's Alfa = 0.7712). To **analyse** the correlation and **regression** of the data, Statistical Packages for Social Science' (SPSS) version 7.5 **were** used.*

*The finding of **the** study showed **that** students' personal problems and environmental **factors** were **the** most **dominant** and influenced the act of truancy among the students in the Lower **P**erak district.*

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu dipanjatkan rasa kesyukuran ke **hadirat** Allah S.W.T. kerana dengan izin, **hidayat** dan **taufikNya** dapat **saya** menyempurnakan kajian **ini**.

Ucapan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan **saya** tujukan kepada Dr. Wan Rozaini Binti Sheik Osman pensyarah kanan Sekolah **Teknologi** Maklumat selaku penasihat dan penyelia yang **telah banyak** bekorban, membimbing dan **memberi** tunjuk ajar kepada **saya** semasa menyiapkan kajian **ini**. Tidak lupa **juga saya** ucapkan terima kasih kepada Dekan Sekolah Siswazah UUM, Prof. Madya Dr. Ibrahim Abdul **Hamid** kerana turut membari perangsang dan panduan kepada **saya** semasa menjalani kursus **ini**.

Projek **ini juga** adalah sebagai hadiah kepada kedua ibu bapa, kedua kakak dan **abang ipar** yang tercinta kerana telah **memberi** dorongan dan semangat yang tidak terhingga di sepanjang **saya** mengikuti kursus **ini**.

Saya juga tidak dapat melupakan jasa baik rakan-rakan sekuliah yang **banyak** membantu terutamanya rakan-rakan dari kumpulan **enam** iaitu Saudara Mohd Fikry, Tauhid, **Hussin**, Nor **Ahmad**, **Nordin**, dan Suzli serta "member of The West Bank" seperti **Lotpi**, **Nayan**, dan lain-lain.

Penghargaan teristimewa adalah buat Isteri dan anak-anak tersayang kerana **tanpa** sokongan mereka tidak **mungkin saya** dapat mengikuti kursus **ini** dengan jayanya. Semoga kajian **ini** dapat menjadi dorongan kepada anak-anak untuk terus maju dan berjaya di dalam bidang akademik **masing-masing**.

MAT KILAU BIN IDRIS,
SEKOLAH SISWAZAH,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 SINTOK, KEDAH DARUL AMAN.

KANDUNGAN

	Muka surat
Kebenaran Mengguna	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Bab 1 Pengenalan	1
	1
1.1 Pendahuluan	
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	8
1.5 Hipotesis	9
1.6 Keterangan Kajian	10
Bab 2 Sorotan Penulisan	14
2.1 Pendahuluan	
2.2 Karya-Karya Penulisan Berkaitan (Luar Negeri)	19
2.3. Karya-karya Berkaitan (di Malaysia	35
2.3 Definisi Konsep dalam Kajian	50
2.4.1 Ponteng Sekolah	50
2.5 Definisi Operasional	52
2.5.1 Gejala	52
2.5.2 Ponteng Sekolah	53
2.5.3 Pelajar Tingkatan Empat	55
2.6 Limitasi Kajian	55
2.7 Kesimpulan	56

Bab3	Metodologi	
	3.1	Pendahuluan 58
	3.12	Lokasi Kajian 60
	3.4	Responden Kajian 62
	3.5	Instrumen Kajian 63
	3.5.1	Kesahan Soal Selidik 63
	3.6	Kaedah Penyelidikan 64
	3.7	Kaedah Analisis 65
	3.7.1	Kriteria Pembuat Keputusan 66
Bab4	Keputusan Kajian	
	4.1	Pendahuluan 69
	4.2	Profil Responden 70
	4.4	Tahap Ponteng dan Keputusan Peperiksaan 74
	4.5	Keputusan Ujian 76
	4.9	Peramal Terbaik 84
	4.11	Kesimpulan 86
Bab 5	Perbincangan dan Saranan	
		Pendahuluan 89
	5.1	Perbincangan Dapatan kajian 90
		Faktor Sekolah dan Kejadian Ponteng Sekolah 92
	51.2	Faktor Masalah Diri Pelajar dan Kejadian Ponteng Sekolah 95
	51.3	Faktor Rakan Sebaya dan Kejadian Ponteng Sekolah 98
	51.4	Faktor Persekitaran dan Kejadian Ponteng Sekolah 102

5.2	Peramal Terbaik Kejadian Ponteng Sekolah	107
5.3	Implikasi dan Saranan	108
5.3.1	Implikasi Ponteng Sekolah	109
5.3.2	Implikasi kepada diri pelajar	110
5.3.3	Implikasi Kepada Keluarga	111
5.3.4	Implikasi Kepada Sekolah	112
5.3.5	Implikasi Kepada Masyarakat dan Negara	113
5.4	Saranan	114
5.4.1	Saranan kepada penentu polisi dan badan-badan yang relevan	114
5.4.2	Peranan Ibu bapa	116
5.4.3	Peranan Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan	116
5.5	Cadangan Untuk Kajian akan Datang	118
5.4	Kesimpulan	719
	Bibliografi	123

Lampiran



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned certify that)

MAT KILAU BIN IDRIS

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of) Sarjana Sains (Pengurusan)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

GEJALA PONTENG SEKOLAH ANTARA PARA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
*(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).*

Mama Penyelia
(Name of Supervisor): Dr. Wan Rozaini bt. Sheik Osman

Tandatangan
(Signature)

: Rozaini

Tarikh
(Date)

: 14/6/98

BAB 1

PENGENALAN

1 .1 Pendahuluan

Pembentukan disiplin di sekolah adalah sama pentingnya dengan penyebaran ilmu pengetahuan. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah mempunyai perkaitan rapat dengan kesempurnaan disiplin pelajar. Pelajar yang berjaya dalam segala bidang kehidupan sering kali terdiri daripada mereka yang berdisiplin Mereka itu adalah juga sebagai pengasas ke arah pembentukan masyarakat yang berdisiplin, berkebolehan dan harmonis. [Omardin Ashaari, 1996:181].

Oisiplin merupakan suatu unsur yang boleh mewujudkan ketrampilan masyarakat. Ia bukan sahaja merupakan peraturan yang dikenakan ke atas sesuatu kelompok manusia akan tetapi ia juga berhubung rapat dengan tindakan seseorang dalam me-nempatkan dirinya dalam masyarakat.

[Jawatkuasa Khas Kementerian Pendidikan Malaysia, 1982:XIX].

Berkaitan dengan isu ini, Mohd. Tajudin Abdul Rahman (1995) turut mengatakan betapa pentingnya kecemerlangan peribadi dan keunggulan sahsiah seseorang. Sejarah telah membuktikan bahawa sesebuah negara akan punah dan peradapan akan musnah sekiranya warga negara tidak beretika, berjiwa gersang dan kontang, buruk akhlak dan tidak bermoral. Untuk mencapai peringkat kecemerlangan yang tinggi. Negara perlu melahirkan warga negara yang berilmu pengetahuan. Oleh itu wajar disimpulkan bahawa pencapaian akademik yang tinggi adalah merupakan asas untuk mencapai kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan. Namun demikian jika sekiranya masalah ponteng sekolah masih berleluasa di kalangan para pelajar, bagaimanakah usaha untuk memperolehi ilmu pengetahuan itu akan dicapai.

Aktiviti ponteng sekolah kerap kali dikaitkan dengan tingkah laku devians. Dalam pengertian yang lebih luas, devians

atau lencungan dimaksudkan dengan sebarang tingkah laku yang tidak memenuhi norma sosial sesuatu kumpulan sosial atau masyarakat (Ting Chew Peh, 1983:14). Albert Cohen dalam bukunya "Deviance & Control" (1966:21) mendefinisikan devians sebagai:

"keiakuan yang melanggar jangkaan yang diinstitusikan iaitu jangkaan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai satu dalam sesuatu sistem sosial".

Perlakuan ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah merupakan satu fenomena yang menarik perhatian masyarakat pada masa kini. Masalah ini merupakan satu masalah global yang dihadapi oleh kebanyakan negara di dunia tidak terkecuali Malaysia. Menurut Kamus Dewan, ponteng sekolah boleh didefinisikan sebagai kegiatan meninggalkan sekolah tanpa sebab atau di luar pengetahuan guru. Laporan salah laku bagi tahun 1985 hingga 1992 memperlihatkan bahawa ponteng sekolah merupakan salah laku yang utama di kalangan pelajar. Di sepanjang tempoh persekolahan 1992, sejumlah 57,498 pelajar sekolah rendah dan menengah telah dilaporkan ponteng. Tujuh jenis ponteng yang diambil kira dalam laporan tersebut adalah ponteng sekolah, ponteng kelas, ponteng perhimpunan, ponteng aktiviti ko-kurikulum,

ponteng ujian, ponteng peperiksaan dan ponteng untuk belajar bersendirian.

Mengikut rekod yang diperolehi daripada Unit Disiplin, Kementerian Pendidikan Malaysia, (1994: 16), seramai 32,092 pelajar dilaporkan ponteng sekolah pada tahun 1992; 25,297 (1991); 24,652 (1990); 20,779 (1989); 39,165 (1988); 30,295 (1987); 24,603 (1986); dan 16,206 (1985). Menurut laporan Akhbar Berita Harian (24 Oktober, 1995) seramai 28,005 pelajar dikenal pasti ponteng pada tahun 1993 manakala pada tahun 1994 gejala tersebut telah meningkat menjadi 34,881 kes.

Secara keseluruhannya nyatalah bahawa masalah ponteng sekolah adalah merupakan satu daripada masalah yang dominan di dalam masalah-masalah disiplin di sekolah. Menurut Manja Mohd. Ludin (1990) ini dapat dibuktikan daripada kenyataan Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Nik Mohamed Kama! (UM) yang mengakui bahawa gejala ponteng sekolah ini semakin serius dan kementerian sedang membuat kajian melalui Unit Disiplin Bahagian Sekolah-Sekolah tentang faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya ponteng. Adalah lebih membimbangkan jika sekiranya para pelajar yang ponteng itu berkecenderungan untuk melibatkan diri

dalam kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral seperti kegiatan lesbian / homoseks, seks bebas, hamil di luar nikah, pengedaran dan menonton video lucah, menghisap rokok, penyalahgunaan dadah, merayau-rayau di pusat-pusat hiburan, bekerja di kelab-kelab malam / rumah urut, berpelesenan di gedung membeli belah dan berbagai-bagai kancah maksiat yang lain. Demikianlah fenomena yang sedang mengancam generasi pelajar sekolah menengah di negara kita pada alaf ini. Gejala ini perlu ditangani dan dibendung dengan berhati-hati supaya matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju mengikut acuan Malaysia sendiri menjelang tahun 2020 menjadi kenyataan

1.2 Pemyataan Masalah

Kegiatan ponteng sekolah ini adalah merupakan satu masalah yang amat rumit dan memerlukan kaedah yang teliti untuk menanganinya. Masalah ini bukan sahaja menjadi tanggung jawab kaum guru semata-mata malah ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya turut bertanggungjawab. Andainya masalah perlakuan ponteng sekolah ini gagal ditangani, ia akan memberi kesan yang amat parah kepada diri pelajar, keluarga, sekolah,

masyarakat, agama dan bangsa serta negara keseluruhannya di alaf akan datang.

Daripada kajian, penelitian, penulisan, perbincaangan melalui media massa, didapati beberapa faktor yang menjadi punca utama yang mendorong para pelajar ponteng sekolah. Di antaranya termasuklah latar belakang pelajar, faktor sekoiah, rakan sebaya, diri pelajar, persekitaran, minat dan kecenderungan pelajar terhadap pelajaran, kewangan, disiplin, guru dan kemudahan pengangkutan. Ruhiyati Idayu (1978) mendapati bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai perspektif yang negatif terhadap masa hadapan dan pelajaran, lebih cenderung melakukan ponteng sekolah. Beliau juga mengakui hakikat sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan, skop pembelajaran yang luas, sistem kenaikan kelas secara automatik dan struktur sekolah seperti peranan pengetua, nilai guru, kemudahan pelajaran serta aktiviti-aktiviti sekolah mempunyai pengaruh terhadap kegiatan ponteng sekolah.

Di samping itu faktor guru juga menjadi pendorong para pelajar untuk ponteng sekolah. Guru-guru di dalam kelas gagal menimbulkan minat di kalangan pelajar yang rendah pencapaian akademiknya. Guru-guru kurang dedikasi dan inovasi gagal memotivasikan pelajar dan memberi ruang

kepada pelajar untuk ponteng sekolah. Bagi pelajar yang cerdas, mereka ponteng sekolah kerana bosan terhadap guru yang stereotaip, manakala bagi pelajar yang lembam pula melakukan ponteng kerana tidak dapat menerima pelajaran yang diberikan oleh guru dan golongan ini sudah menjadi putus asa.

Oleh kerana terdapat berbagai pendapat tentang faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya gejala ponteng, adalah menjadi matlamat pengkaji untuk menentukan sejauh mana faktor-faktor tersebut mempengaruhi pelajar untuk melakukan salah laku ponteng dan di antara faktor-faktor tersebut yang manakah paling dominan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang diusahakan ini bertujuan untuk menyelidik dan meninjau tentang faktor-faktor:

- i. Sekolah
- ii. Masalah diri pelajar
- iii. Persekitaran dan
- iv. Rakan sebaya.

Kajian ini hanya akan menumpukan kepada pelajar yang terlibat itu sendiri di 16 buah sekolah menengah di Oaerah Hilir Perak. Perak Darul Ridzuan.

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a. Mencari perhubungan di antara keempat-empat pembolehubah bebas dengan kejadian ponteng sekolah di kalangan pelajar Tingkatan Empat;
- b. Menentukan di antara keempat-empat faktor tersebut yang manakah lebih bersifat mempengaruhi / dominan terhadap perlakuan ponteng sekolah di kalangan para pelajar Tingkatan Empat.

1.4 Kepentingan Kajian

1.4.1 Penyelidik berharap sekiranya kajian ini berjaya mencapai matlamat, hasil kajian ini dapat dijadikan sumber pengetahuan. rujukan untuk membantu institusi pendidikan mendalami faktor-faktor yang mendorong perlakuan ponteng sekolah di kalangan pelajar Tingkatan Empat serta langkah-langkah wajar yang perlu diambil untuk mengatasinya.

1.4.2 Dapatan daripada kajian ini akan memastikan faktor manakah yang paling dominan di dalam mempengaruhi para pelajar untuk melakukan ponteng sekolah supaya dapat dikenalpasti pula langkah-langkah pencegahannya.

1.4.3 Dapatan daripada kajian ini akan menyedarkan serta membantu ibu bapa, guru-guru dan masyarakat menangani masalah ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah di samping memahami juga punca salah laku tersebut.

1.4.4 Membantu pentadbir sekolah untuk menyusun semula aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah supaya lebih berorientasikan pelajar dan tidak berorientasikan peperiksaan semata-mata.

1.5 Hipotesis

H₀₁: Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor masalah sekolah dengan kejadian ponteng sekolah

H_{a1}: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor masalah sekolah dengan kejadian ponteng

H₀₂: Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor masalah pelajar dengan kejadian ponteng sekolah

H_{a2}: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor masalah pelajar dengan kejadian ponteng sekolah.

H₀₃: Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor masalah persekitaran dengan kejadian ponteng sekolah.

H_{a3}: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor masalah persekitaran dengan kejadian ponteng sekolah.

H₀₄: Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor masalah rakan sebaya dengan kejadian ponteng sekolah.

H_{a4}: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor masalah rakan sebaya dengan kejadian ponteng sekolah.


H₀₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar-pelajar lelaki dengan pelajar-pelajar perempuan dalam gejala untuk ponteng sekolah.

H_{a5} Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar-peiajar lelaki dengan pelajar-pelajar perempuan dalam gejala ponteng sekolah.

1.6 Keterangan Kajian

Pembolehubah Bersandar

Pembolehubah Bebas



Tumpuan utama kajian adalah **tentang** faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya ponteng sekolah di kalangan pelajar Tingkatan **Empat** di Daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan. Faktor-faktor **tersebut** antara lain termasuklah;

- 1.6.1 Faktor sekolah:** Berkaitan dengan pengelolaan pentadbiran, pengajaran guru, sikap guru, suasana dan iklim sekolah dan seumpamanya.
- 1.6.2 Masalah diri pelajar:** Berkaitan dengan sikap, minat, psikologi, sosial dan pencapaian akademik yang mempengaruhi diri dengan persekitaran sekolah.
- 1.6.3 Faktor persekitaran:** Berkaitan dengan suasana rumah tangga pelajar, kewangan keluarga, infrastruktur yang ada, budaya masyarakat, institusi-institusi sosial dan seumpamanya.
- 1.6.4 Faktor rakan sebaya:** Berkaitan dengan budaya persekitaran rakan sekelas, rakan sekomplek dan rakan seangkatan dengan diri pelajar yang mendominasi aktiviti-aktiviti pelajar.

BAB 2

SOROTAN PENULISAN

2.1 Pendahuluan

Masalah ponteng sekolah di Malaysia pada masa ini dapat dilihat daripada perspektif 'poteng' sebagai isu sosial yang bersifat devians. Devians secara umum adalah merupakan perlakuan yang melencong daripada norma-norma sosial yang diterima dan diamalkan oleh sesuatu kelompok masyarakat. Di dalam memperkatakan tentang tingkah laku devians ini, terdapat beberapa pandangan yang berbeza di kalangan ahli-ahli sosiologi.

Mashal B. Clinard di dalam kajian Siti Asiah Binti Ismail (1995) mengkategorikan tingkah laku devians dan

delinkuens ialah penagihan dadah, pelacuran, sakit jiwa, bunuh diri, meminum minuman keras dan homoseksual.

Menurut Friedson, yang mewakili *Kumpulan Societal Norm* di dalam kajian Siti Asiah Binti Ismail (1995) mengatakan bahawa tingkah laku devians adalah perlakuan yang melanggar norma-norma hidup yang mempunyai nilai yang diterima oleh masyarakat. Perlanggaran norma-norma yang berterusan akan mewujudkan seorang devians yang membawa ciri-ciri negatif ke dalam masyarakat sejagat.

Wheeler, juga di dalam kajian Siti Asiah Binti Ismail (1995) daripada *Kumpulan Omnibus* mendefinisikan devians sebagai perlakuan yang menyebabkan anggota sesebuah masyarakat menganggap sebagai menyimpang dan mengganggu. Menurutnya lagi, perlakuan devians ini berlaku di dalam berbagai-bagai peringkat unit sosial, daripada yang paling kecil hinggalah kepada yang paling besar.

Prof. Hart dalam makalahnya *"The Aims of Criminal Law"*

yang dilaporkan oleh Siti Asiah Binti Ismail (1995) mengatakan bahawa tingkah laku devians adalah

perbuatan yang memudharatkan dan menimbulkan kutukan sosial. Oleh yang demikian, tingkah laku devians perlu dicegah dan individu yang melakukannya perlu dijatuhkan hukuman yang setimpat.

Di dalam **Encyclopedia** of Psychology (1994) menyebut bahawa kajian tentang devians adalah berlandaskan dua {2} pendapat. Pendapat pertama melihat devians sebagai tingkah laku yang luar biasa daripada norma-norma masyarakat sebenarnya. Contohnya seperti tahap kecerdasan yang amat rendah, tahap kecerdasan yang amat tinggi, corak personaliti yang luar biasa, kekerapan luar biasa sesuatu tingkah laku dan lain-lain. Inilah definisi utama yang sering digunakan di dalam kajian psikologi devians.

Pendapat kedua pula mendefinisikan devians sebagai satu kejadian kritikal yang berlaku seperti gangguan mental dan keganasan. Devians adalah merupakan teras utama dalam aspek teori personaliti, psikologi klinikal dan psikologi sosial. Seterusnya Siti Asiah Binti Ismail (1995) telah meringkaskan bahawa kajian devians boleh dibahagikan kepada empat [4] kategori utama iaitu:

i. **Perbezaan-perbezaan** di antara individu

Manusia yang mempunyai corak fizikal, psikologi atau tingkah laku yang aneh / luar biasa berkemungkinan besar akan menjadi devians menurut A.P. Golstein et. al., 1981, di dalam *Encyclopedia of Psychology* (1994:412). Perspektif perbezaan individu ini dapat mengenal pasti kumpulan-kumpulan atau individu yang devians dengan melabel mengikut cara yang sistematik (*condification Scheme*) seperti tipologi (jenayah, tidak siuman), skema perubatan (sakit jiwa) dan skema pelajaran (ketakupayaan belajar). Perbezaan-perbezaan yang terdapat di antara individu -individu ini mempunyai kaitan sebab dan akibat terhadap devians.

ii. **Perbezaan** struktur sosial

Dari sudut pandangan struktur sosial, perbezaan hak terhadap peluang-peluang yang sah, perbezaan hak terhadap peluang-peluang yang tidak sah dan ialienasi atau permusuhan adalah merupakan faktor-faktor kritikal mengakibatkan devians (R.K. Merton, 1957/1 994) di dalam *Encyclopedia of Psichology*, (1994:412).

iii. Sudut pandangan 'interactionist' (teori **melabel**)

Tingkah laku devians wujud kerana reaksi individu-individu yang kritikal terhadap sesuatu perbuatan yang ditetapkan. Gangguan psikologi, perlakuan jenayah dan tahap pencapaian akhlak / moral yang **rendah** adalah dilabelkan sebagai devians. Umumnya devians adalah interaksi di antara perilaku individu dan reaksi masyarakat terhadap perilaku berkenaan (H.S. Becker, 1963:412).

iv. Teori pengetahuan

Teori ini mengatakan bahawa semua perbuatan **sama ada** devians atau normal adalah dipelajari berlandaskan hukum model, peneguhan dan hukuman (A. Bandura, 1969, di dalam ***Encyclopedia of psikolgy***, 1994:412). Mengikut teori ini **lagi**, tidak terdapat sebarang **perbezaan** di antara tingkah laku devians dan normal; kecuali dalam pengetahuan **sejarah setiap** individu. Selain itu hanya **melalui** perhubungan perbezaan **(differential association)** dengan kumpulan normal atau devians yang menyebabkan seseorang **menjadi** lebih atau kurang devians.

Keempat-empat kategori yang telah dijelaskan di **atas** adalah merupakan fokus **utama** dalam membincangkan

tentang devians. Setiap kategori itu pula menegaskan **tentang** kriteria devians. Dalam membincangkan **tentang** periiaku ponteng sekolah yang diklasifikasikan sebagai tingkah laku devians, **keempat-empat** kategori devians yang telah dibincangkan, dapat **memberi** gambaran yang lebih **jelas tentang** pelajar-pelajar yang terbabit.

2.2 Karya-karya Penulisan Berkaitan (Di Luar Negeri)

Masalah perlakuan ponteng sekolah ini telah menarik perhatian masyarakat di seluruh dunia, terutama di Amerika Syarikat dan Great Britain. Ini adalah kerana masih terdapat ketidakpastian dan percanggahan pendapat **tentang** diskripsi, diagnosis dan faktor-faktor sebenar yang menyebabkan berlakunya gejala tersebut. Kekeliruan **tentang** masalah ini berlaku kerana terdapat pelbagai mazhab yang mengkaji dan mentafsir perlakuan ponteng sekolah daripada perspektif yang berbeza.

Terdapat **para** pengkaji yang menggunakan kaedah kajian klinikal seperti Hersov (1960, 1977), Berg (1970) sementara yang lain pula menggunakan pendekatan **'epistemological**

seperti Fogelman dan Richardson (1974) yang dilaporkan oleh Cooper (1986:14). Oleh itu masih belum terdapat satu penjelasan dari segi teori tentang perlakuan ponteng sekolah yang dapat diterima secara universal.

Selain itu, terdapat pertindihan konsep tentang ponteng sekolah di kalangan beberapa kumpulan penyelidik. Tyerman (1968) yang dilaporkan oleh Cooper (1986: 14) mempersoalkan tentang keesahan mengasingkan konsep ponteng sekolah dan keengganan bersekolah [*school refusal*): pada hal kedua-dua konsep tersebut adalah lanjutan daripada keadaan di mana pelajar tidak hadir ke sekolah. Hersov (1977) yang dilaporkan oleh Cooper (1986: 14) pula mengatakan bahawa pelajar-pelajar yang ponteng sekolah mengalami gangguan jiwa dan menunjukkan tanda-tanda kebimbangan dan kerisauan.

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan ponteng sekolah. Di antara pengkaji-pengkaji barat yang telah menjalankan kajian tentang perkara tersebut termasuklah Hosges V; yang telah menjalankan kajian di Bristol terhadap 1 IO kanak-kanak yang tidak hadir ke sekolah dalam tahun 1965 dan 1966 mendapati bahawa faktor pelajar yang ponteng sekolah terletak pada latar belakang diri pelajar sendiri dan ini berpunca

daripada **latar** belakang keluarga dan keadaan persekitaran fizikal tempat tinggal pelajar yang kurang sempurna. Selain daripada itu masalah tekanan **hidup** keluarga, saiz keluarga yang besar dan taraf **sosio-ekonomi** yang **rendah juga** menyebabkan pelajar-pelajar tidak hadir ke sekeolah.

Kaajian yang dibuat oleh Reavis dalam tahun 1920 (Manja, 1990:18). Beliau mengkaji **tentang** faktor-faktor yang **ada** kaitannya dengan perlakuan ponteng di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Hasil kajiannya mendapati bahawa kemunduran pelajar-pelajar dalam pencapaian akademik adalah **salah** satu daripada faktor yang mendorong poteng sekolah. Reavis **juga** mendapati bahawa kecekapan dan keberkesanan pengajaran guru dapat menghindar pelajar-pelajar daripada melakukan kegiatan ponteng sekolah.

Bagi Galloway, D. (1976), yang **telah** membuat kajian **tentang** ponteng sekolah di tiga **puluh [30]** buah sekolah bantuan penuh kerajaan terhadap kanak-kanak yang tidak hadir, 50% daripada kedatangan **biasa** dalam seminggu pada penggal pertama 1973 di **Northern City**, mendapati bahawa tidak **ada** perkaitan di antara **saiz**

sekolah dan bilangan pelajar yang tidak hadir ke sekolah. Didapati juga pelajar-pelajar sekolah menengah lebih ramai ponteng berbanding dengan pelajar-pelajar di sekolah rendah. Selain itu beliau juga mendapati pelajar dari taraf sosio-ekonomi rendah paling kerap melakukan ponteng.

Menurut Ismail Shamsuddin Jusoh (1980) para pengkaji barat yang melakukan kajian tentang perlakuan ponteng ialah Rankin (1961), Douglas and Rose (1965), Clyne (1966), Rubinstein (1967), Tyerman (1968), Mitchell (1972), Fogelman and Richardson (1974), Baum (1978) dan Billington (1978). Kajian-kajian ini secara umumnya mendapati bahawa umur dan perbezaan jantina terdapat dalam kadar perlakuan ketidakhadiran dan ponteng. Menurut beliau lagi, Mitchell (1972) mendapati bahawa pelajar-pelajar sekolah menengah, ketidakhadirannya adalah meningkat sejajar dengan peningkatan umur untuk meninggalkan bangku sekolah.

Ismail Shamsuddin juga turut menyatakan tentang kajian yang dilakukan oleh Tyerman (1968) dan Fogelman dan Richardson (1974) yang mendedahkan bahawa perlakuan ponteng lebih kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar lelaki berbanding dengan para pelajar perempuan.

Tyerman juga mendapati bahawa kebanyakan pelajar yang ponteng datanganya daripada kumpulan kelas. Dalam hal ini penemuan yang sama telah diperolehi melalui kajian-kajian Kooker (1976), Morgan (1975), Rozelle (1968) dan Sandon (1938).

Bayson (1973) dan Gardon (1974) dalam kajian mereka tentang ponteng sekolah, mendapati bahawa faktor-faktor sekolah seperti kawalan disiplin yang terlalu ketat, menyebabkan timbul masalah disiplin. Hasil kajian yang telah dijalankan tentang ponteng sekolah oleh Ferguson (1984) di Nova Scotia mendapati bahawa harapan guru yang keterlaluan juga menyebabkan pelajar sentiasa dalam keadaan yang tertekan dan disiplin sekolah yang lemah serta pengurusan sekolah yang tidak cekap juga menyebabkan pelajar-pelajar menjadi bosan serta mengambil jalan mudah dengan melakukan ponteng sekolah.

Cooper M. G. (1966) telah menjalankan kajian ke atas 80 kanak-kanak dalam perkhidmatan psikologi sekolah serta dari sekolah kebajikan masyarakat di England dan mendapati bahawa sekolah tidak menganggap ponteng sebagai satu masalah kerana ia merupakan kesalahan di sisi undang-undang dan ia boleh didakwa di mahkamah.

Tetapi berbeza dengan kanak-kanak yang menolak sistem sekolah, mereka adalah memerlukan pertolongan khas supaya bersikap positif. Hal ini telah disokong oleh Track (1976) yang berpendapat bahawa keluarga patut bertanggungjawab terhadap perbuatan ponteng sekolah anak-anak mereka.

Pada tahun 1971, Bachman dan rakan-rakannya telah mengkaji fenomena keciciran (Manja, 1990: 185). Mereka mendapati bahawa punca utama yang mendorong perlakuan ponteng adalah suasana sekolah (48%) dan yang merangkumi kesulitan dalam proses pembelajaran, mundur dalam pencapaian akademik, kurang meminati kerja-kerja sekolah serta peraturan dan disiplin yang dilaksanakan di sekolah.

Pada tahun 1976, O'Hagen (Manja, 1990: 185) membahagikan pelajar-pelajar kepada tiga [3] kategori iaitu;

- a) Pelajar-pelajar yang suka bersekolah;
- b) Pelajar-pelajar yang tidak berminat dengan sekolah; dan

- c) Pelajar-pelajar yang benci terhadap sekolah.

Dalam kajian beliau mendapati bahawa pelajar-pelajar dalam kategori (b) dan (c) banyak terlibat dalam perlakuan ponteng sekolah dan lebih suka ponteng sekolah.

Selain O'Hagen, Raven pada tahun 1977-1978 (Manja. 1990:184) juga turut meninjau tentang faktor kelakuan ponteng yang ada kaitan dengan suasana sekolah. Dapatan daripada kajiannya adalah;

- a) Satu pertiga daripada sampelnya (Pelajar-pelajar) menyatakan kebencian mereka untuk ke sekolah;
- b) Pelajar-pelajar merasakan sebahagian besar daripada subjek yang diajar tidak berguna dan amat menjemukan; dan
- c) Pelajar-pelajar tidak puas hati dengan peranan sekolah dalam memberi ilmu pengetahuan dan pendidikan,

Menurut Raven lagi pelajar-pelajar yang tidak berminat dalam sesuatu subjek dan guru pula tidak berusaha

menarik minat mereka, akibatnya pelajar-pelajar **hilang** semangat dan akan melakukan **apa** sahaja yang terlintas dalam pemikiran mereka.

Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Singh, **Labh & Kaur**, Harjeet (1977) **tentang** perkaitan di antara kekecewaan **pada** kejadian ponteng mendapati bahawa mereka yang ponteng mempunyai kawalan diri yang **rendah** berbanding dengan mereka yang tidak ponteng dan seterusnya menyebabkan mereka yang ponteng menjauhkan diri dari masyarakat. Mereka yang ponteng **juga** sukar untuk mengubah tabiat mereka itu dan seterusnya membentuk minat yang baru. Didapati **juga** mereka yang ponteng adalah kurang aktif dan lebih agresif berbanding dengan mereka yang tidak ponteng.

MC. **Clure**, Diane Kathleen **Berger** (1988) dalam kajiannya

terhadap **lapan [8]** pelajar yang melakukan ponteng di sekolah tinggi bantuan penuh kerajaan di San Diego mendapati bahawa mereka yang ponteng mempunyai perkaitan antara masalah kehidupan, masalah persekolahan atau tekanan perasaan.

Masalah disiplin di sekolah wujud kerana terdapat percanggahan nilai di antara guru-guru dan para pelajar. Minat dan kecenderungan para pelajar sering bertentangan dengan objektif-objektif sekolah dan inilah yang mewujudkan konflik. Grageri (1970), Maslow dan Rogers (1962) Boyson (1973) dan Gordon (1974) yang dilaporkan oleh Hussein Mahmood (1985:23) berpendapat bahawa persekitaran persekolahan yang agak ketat kawalannya akan menimbulkan keadaan yang tidak berdisiplin kerana para pelajar akan memprotes dengan melakukan pelbagai salah laku. Selain itu proses melabel yang sering dilakukan oleh guru-guru terhadap pelajar-pelajar memberi kesan negatif terhadap masalah salah laku di sekolah. Pada tahun 1970, Lacey (Husein Mahmood, 1985:23) dalam kajiannya mendapati bahawa para pelajar yang pada mulanya bermotivasi dan berminat terhadap pelajaran mula menunjukkan sikap-sikap yang bertentangan setelah dicap oleh guru sebagai bodoh dan malas.

Dunhill (1965) yang dilaporkan oleh Husein Mahmood (1985:23) juga mendapati bahawa sikap guru banyak mempengaruhi disiplin para pelajar. Apabila guru tidak berminat, tidak cekap atau kurang bersungguh-sungguh dalam pengajarannya akan menyebabkan para pelajar

tidak memberikan tumpuan terhadap pelajaran dan salah laku akan terjadi di dalam kelas.

Harapan dan sikap guru, kurang penerimaan kedewasaan murid oleh guru dan tiada cabaran pada murid mengikut tahap-tahapnya juga penekanan pembelajaran yang berlebihan adalah menyebabkan berlakunya ponteng sekolah seperti yang dinyatakan dalam hasil kajian Amme Jones (Hersov dan Berg. 1980).

Cally, Jones Dave (1988), dalam kajiannya terhadap 150 pelajar sekofah tinggi yang meninggalkan kelas dalam tahun 1986-1 987, mendapati bahawa pelajar-pelajar tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap program pendidikan sekiranya mereka tidak berada di setiap kelas yang sepatutnya diikuti. Beliau juga mendapati bahawa meninggalkan kelas bukan sahaja menjatuhkan nilai pada pendidikan pelajar, tetapi juga boleh menyebabkan berlakunya masalah sosial yang lain seperti merosakkan harta awam, rompakan, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Tennet (1971) yang dipetik daripada kajian Ab. Manab (1980) telah menghasilkan kajian tentang ketidakhadiran

ke sekolah dan hubungannya dengan kenakalan. Beliau merumuskan bahawa:

1. Ponteng menyebabkan kenakalan;
2. Kenakalan pula **mungkin** menyebabkan ponteng;
3. Ponteng dan kenakalan **mungkin** 'simptom' daripada satu keadaan 'maladjustment' yang hanya **terzahir** dalam bentuk kelakuan kenakalan dan tidak hadir ke sekolah.

Berlandaskan apa yang telah dirumuskan oleh Tennent, kita juga akan bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Duke (1980) iaitu tiap-tiap individu bertanggung jawab di atas perlakuannya sendiri (Hussein Mahmood, 1985:222). Para pelajar **mungkin** melakukan kenakalan / salah laku atas kemahuan diri sendiri bukannya pengaruh dari luar. Kadang kala mereka sendiri tidak menyedari bahawa apa yang mereka lakukan itu menyalahi peraturan dan undang-undang sekolah. Dalam tahun 1985, Despert (Hussein Mahmood, 1985:22) melaporkan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah emosi juga sering mengingkari peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak

sekolah. Beliau menggelarkan mereka sebagai '*neurotic*' atau *psychotic*'.

Selain itu faktor rakan sebaya **juga ada** kaitannya dengan perlakuan devians / **salah** laku khususnya ponteng sekolah. Monaster (1977) seperti dilaporkan oleh Manja (1990:14) menyatakan bahawa rakan sebaya memainkan peranan **penting** dalam membentuk subbudaya sekolah. **Pada** tahun 1974, Second dan **Backman** (Manja, 1990:194) pula menegaskan bahawa pengaruh negatif daripada rakan sebaya mendorong **para** pelajar melakukan kegiatan-kegiatan yang melanggar peraturan sekolah termasuk ponteng. **Menurut** Turner (1977) yang dilaporkan oleh Manja (1990:194), subbudaya pelajar sekolah dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu akademik, bersuka-suka dan delinkuens. Bermula daripada subbudaya itulah yang memungkinkan **para** pelajar **sama ada** menjadi bodoh, jahat atau tidak **mengambil berat** terhadap pelajaran.

Jenis pekerjaan bapa / penjaga **juga** boleh menentukan sejauh manakah pengaruh rakan sebaya itu. **Pelajar-**pelajar yang bapa atau penjaganya bekerja sebagai buruh lebih dipengaruhi oleh rakan sebaya dan **ini** dapat **dikaitkan** dengan pendapat **Hodges** **pada** tahun 1968

(Manja, 1994: 190) yang menyatakan bahwa status sosio-ekonomi keluarga yang **rendah** mempengaruhi suasana dalam keluarga dan menyebabkan anak-anak lebih gemar mencurahkan perasaan kepada rakan sebaya.

Sehubungan itu keluarga **begini juga** tidak dapat memotivasikan anak-anak mereka dan boleh menyebabkan mereka kurang berminat terhadap pelajaran dan secara tidak **langsung** pencapaian akademik **juga** turut merosot. Pelajar-pelajar yang **rendah** pencapaian akademiknya tidak mempunyai konsep sendiri yang kukuh dan lebih senang dipengaruhi oleh rakan sebaya. Mereka **juga** berasa lebih selesa berada dalam kumpulan rakan sebaya yang setara. Sementara itu Wolfgang (1977) yang dilaporkan oleh **Aziz** (1988) melihat pengaruh rakan sebaya yang samasama devians sebagai satu pengaruh yang kuat dalam pembentukan tingkah laku devians. Beliau mengatakan bahawa;

“also related delinquency while still in school, was the slavery of commitment to delinquent peers and their attitudes and values associated with delinquent behaviour. As the individual **developes** more firm **allegiancy**, the more captive he is to demands for conforming

to deviance, the less freedom he has for alternative broadly accepted behaviour”.

Secara umumnya pelajar-pelajar yang menunjukkan kesetiaan terhadap subbudaya devians dan delinkuens, akan terkurung / terkongkong dengan tuntutan-tuntutan kumpulan devians dan tidak lagi bebas untuk memilih norma-norma perlakuan yang diterima umum. Oleh itu jelaslah bahawa rakan sebaya mempunyai pengaruh yang paling kuat dalam kehidupan seseorang individu yang bergelar pelajar.

Taraf sosio-ekonomi atau kelas sosial keluarga adalah merupakan penentu yang paling tekal dan kukuh bagi menentukan kebolehan akademik para pelajar. Terdapat beberapa bukti hasil penyelidikan yang mengesahkan terdapatnya hubungan yang kuat antara taraf sosio-ekonomi dengan pencapaian akademik. Selain itu, taraf sosio-ekonomi juga merupakan satu penyebab kepada ketidakhadiran, ponteng, keciciran, kemunduran dalam pelajaran dan lain-lain. Pada tahun 1980, Boocock (Marimuthu, 1990:42) menyatakan bahawa terdapat hubungan antara taraf sosioekonomi keluarga dengan pencapaian akademik. Keadaan ini telah dapat dilihat dalam tiap-tiap kelompok masyarakat barat berdasarkan

pengalaman dan penelitian Boocock dan Slipman (1976, 1972) seperti yang dilaporkan oleh Marimuthu (1990:42) menegaskan bahawa terdapat banyak bukti menhesahkan hubungan yang kuat antara kelas sosial dengan pencapaian akademik.

Paada tahun 1976, Sewell & Hausser (Marimuthu, 1990:44) mendaapati bahawa taraf sosio-ekonomi dan kemampuan boleh mempengaruhi pencapaian melalui beberapa cara seperti galakan, pengaruh ibu bapa, rakan-rakan sebaya dan guru-guru. Sementara itu Robbins (1963) mendapati tidak ramai pelajar dari taraf sosio-ekonomi yang rendah berjaya menjejaskan kaki ke universiti (Marimuthu, 1990:45). Ini jelas sekali menunjukkan hakikat bahawa kebolehan para pelajar daripada kelompok kelas rendah tidak dapat menerokai dan memperkembangkan diri kerana awal-awal lagi mereka telah tercicir dari sekolah. Ada juga di antara mereka yang meninggalkan bangku sekolah lebih awal! mendapat markah rendah dan lebih kerap ponteng. Berkemungkinan juga pelajar-pelajar yang sering ponteng dan tercicir, terpaksa bekerja membantu menambahkan pendapatan keluarga.

Pendapat-pendapat ini disokong oleh Reid yang telah menghasilkan satu analisis tentang latar belakang keluarga dan sosial pelajar-pelajar ponteng sekolah dan yang tidak hadir ke sekolah. Dalam analisis yang ditulis oleh Reid (1985) tentang aspek-aspek ponteng sekolah dan ketidakhadiran boleh dirumuskan seperti di dalam jadual 2.1 (Varma, 1995:79).

Senarai yang telah diberikan oleh Reid tentang keluarga dan latar belakang sosial para pelajar yang ponteng dan tidak hadir ke sekolah secara tidak langsung dapat memberikan gambaran tentang kehidupan ibubapa para pelajar yang terlibat dengan salah laku. Dapatan Reid ini memperlihatkan kewujudan persamaan dengan dapatan-dapatan lain yang ada kaitannya dengan salah laku; Contohnya West (1982) seperti dilaporkan oleh Varma (1993:79). Keadaan yang tercatat di dalam jadual 2.1 nampaknya selaras dengan berbagai-bagai jenis salah laku.

Jadual 2.1: HOME **AND** SOCIAL BACKGROUND OF TRUANTS AND SCHOOL ABSENTEES

1. Families at the lower end of the social **scale:fathers** typically in semi-skilled or unskilled work;
2. Families in which parental (both paternal and maternal) unemployment or erratic employment is the norm;
3. Families on low incomes;
4. Families living in overcrowded conditions;
5. Families living in poor standard housing;
6. Poor material conditions within the home;
7. Families where the children are supplied with free school meals;
8. Families where the parents are passive victims of a dreadful environment and unsure of their constitutional rights.

2.3 Karya-Karya Penulisan Berkaitan (di Malaysia)

Di Malaysia masalah disiplin khususnya ponteng sekolah ini sentiasa **hangat** diperkatakan. Masalah ini **tidak** menampakkan keredaannya malah dari semasa ke

semasa ianya semakin ketara. Namun begitu kajian bercorak ilmiah tentang ponteng sekolah ini tidak banyak dibuat dan belum dikemukakan dengan meluas.

Menurut Amin (1978), gejala ponteng sekolah bukanlah merupakan satu masalah yang baru. Ini adalah penyakit lama yang menghinggapi pelajar-pelajar sekolah dan telah berlaku sejak masyarakat mengenali alam persekolahan. Cuma pada masa itu, penyakit ini tidaklah begitu luas merebaknya seperti sekarang yang telah dianggap sebagai satu masalah yang serius. Jamli (1986) turut melaporkan bahawa kajian yang dibuat oleh beberapa buah Jabatan Pendidikan Negeri menunjukkan kadar-kadar pelajar-pelajar yang ponteng antara pelajar-pelajar bandar dan luar bandar adalah lebih kurang sama di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Dalam Laporan Disiplin Pelajar Sekolah 1991, sepuluh [10] salah laku tertinggi bilangannya di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah adalah seperti berikut;

1. Ponteng sekolah;
2. Ponteng kelas;
3. Datang lewat;
4. Pakaian tidak mengikut peraturan;

5. Menghisap rokok;
6. Mengancam rakan pelajar;
7. Mengganggu proses pengajaran;
8. Mencuri;
9. Berkasar dengan rakan pelajar;
10. Merosakkan harta benda sekolah.

Pelajar sekolah menengah juga adalah yang paling ramai terlibat dengan salah laku ponteng sekolah iaitu seramai 19,841 kes atau 15.75% daripada 126,134 pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin. Kebiasaannya pada setiap tahun para pelajar akan menunjukkan salah laku yang dominan yang memperlihatkan kadar penglibatan yang tinggi. Pada tahun 1985 - 1986, salah laku datang lewat adalah paling dominan tetapi pada tahun-tahun 1987, 1988, 1989, 1990 dan 1991 keadaan telah berubah dan ponteng sekolah merupakan salah laku yang paling tinggi dikalangan pelajar-pelajar sekolah menengah (Laporan Disiplin Pelajar Sekolah 1991). Pada tahun 1992, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Unit Disiplin, Bahagian Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) salah laku ponteng sekolah masih merupakan salah laku yang melibatkan ramai pelajar.

Kajian tentang faktor-faktor yang mendorong perlakuan ponteng sekolah telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji dalam tahun 1970-an. Pada tahun 1976 Muhammad Anuar (Manja. 1990: 186) dalam kajiannya mendapati perlakuan ponteng ada kaitannya dengan sikap guru, aktiviti-aktiviti sekolah yang kurang berkesan dan disiplin sekolah yang dianggap ketat oleh sebilangan pefajar. Beliau juga mendapati faktor guru adalah punca pelajar ponteng. Terdapat guru-guru yang bersikap terlalu keras atau terlalu lembut dan memberikan perhatian yang tidak setara atau pilih kasih terhadap pelajar-pelajar.

Yaakub (1977) telah membuat satu kajian tentang masalah ponteng sekolah untuk Sarjana Pendidikan di Universiti Malaya. Dalam kajiannya beliau mengemukakan 72 contoh ibu bapa pelajar Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur. Ibu bapa pelajar-pelajar yang ponteng dibandingkan dengan ibu bapa pelajar-pelajar yang tidak ponteng untuk melihat perbezaan nilai terhadap beberapa aspek yang ada perkaitannya dengan masalah ponteng sekolah. Di antara faktor-faktor yang didapati ada perkaitan dengan ponteng sekolah adalah kelemahan dalam mata pelajaran. Bosan dengan pengajaran guru yang

stereotaip, kelemahan dan kecuaian guru menyediakan pelajaran serta epengaruh rakan sebaya. Menurut beliau lagi ponteng juga mempunyai pertalian yang signifikan dengan kegagalan dalam peperiksaan. 75% pelajar-pelajar yang ponteng sekolah gagal dalam peperiksaan SRP manakala hanya 22% pelajar-pelajar yang tidak ponteng gagal di dalam peperiksaan yang sama. Di antar sebab-sebab lain yang mendorong perlakuan ponteng adalah:

1. Kurang kawalan daripada ibu bapa terhadap anak-anak ke sekolah dan kerja-kerja sekolah yang dibuat oleh anak-anak mereka di rumah. Akibatnya para pelajar menganggap ibu bapa tidak menghiraukan pelajaran mereka.
2. Kebanyak pelajar yang ponteng, lemah dalam bidang akademik sejak dari sekolah rendah lagi. Kegagalan menyebabkan mereka terus kecewa dan benci untuk belajar. Mereka juga tidak aktif di dalam ko-kurikulum.
3. 16.7% - 66.7% pelajar-pelajar yang ponteng sekolah mempunyai tiga - enam rakan yang ponteng juga. Mereka lebih

seronok berdampingan dengan rakan rakan yang sehaluan.

4. 42% - 58% ibu bapa **para** pelajar yang ponteng sekolah tidak **pasti** mereka dihantar bersekolah. Mereka hanya bercadang agar anak-anak mereka dapat makan gaji apabila berjaya nanti. **tentang** tujuan anak-anak mereka dihantar kesekolah. Mereka hanya bercadang agar anak-anak mereka dapat makan gaji apabila berjaya nanti. Hamzah Bin Idris (1989) dalam kajiannya **tentang** pandangan pihak pengurusan terhadap fenomena ponteng sekolah di sebuah sekolah di Kuala Lumpur, mendapati bahawa faktor dalaman sekolah **seperti** minat **murid**, kelemahan penyampaian guru, perhubungan **guru-murid**, peraturan sekolah yang terlalu **longgar** / ketat serta keadaan fizikal sekolah yang menjemukan menyebabkan pelajar-pelajar ponteng sekolah. Selain itu beliau **juga** mendapati faktor keluarga seperti status sosio-ekonomi, saiz keluarga, hubungan dan **latar** belakang keluarga serta keharmonian **rumah** tangga turut menyumbang terhadap perlakuan ponteng sekolah. **Menurut** beliau **lagi** rakan sebaya **juga** turut memainkan peranan dalam mempengaruhi perlakuan ponteng sekolah.

Ruhyati Idayu (1978) menyatakan bahawa masalah [ponteng sekolah bukan satu skop yang baru malah telah wujud sejak awal zaman persekolahan lagi. Perbezaannya adalah dari segi perlaksanaan, sebab akibat kuantitinya. Menurut beliau lagi urbanisasi yang banyak membawa gejala-gejala negatif telah mendorong pelajar-pelajar melakukan kegiatan ponteng. Selain itu beliau juga turut menyenaraikan lima [5] faktor khusus yang mempengaruhi perlakuan ponteng iaitu;

1. Sikap pelajar terhadap pelajaran dan masa depannya;
2. tiakikat pembelajaran itu sendiri - mata pelajaran yang diperuntukkan terlalu banyak dan luas skopnya;
3. Latar belakang pelajar - kedudukan sosio-ekonomi ibu apa yang puratanya miskin;
4. Struktur sekolah - peranan guru, pengetua, nilai guru, kemudahan-kemudahan pelajaran dan aktiviti sekolah;

5. Alam persekitaran mempengaruhi jiwa pelajar-pelajar yang masih mentah - jiran-jiran, kawan-kawan dan anasir-anasir jahat di sekeliling.

Menurut Ibrahim Saad (1977) kejadian ponteng sekolah kini kerap dipersoalkan dan telah menjadi satu masalah pendidikan yang paling besar. Punca utama yang menyebabkan wujudnya perlakuan ponteng adalah sistem pendidikan itu sendiri yang terlalu mementingkan peperiksaan. Selain itu, pergantungan kepada buku teks dianggap sebagai kesan tersembunyi daripada penggunaan yang tidak imaginatif oleh guru-guru menyebabkan pelajar-pelajar ponteng sekolah. Menurut beliau lagi, pelajar-pelajar yang bijak ponteng kerana bosan dengan sekolah manakala yang lemah akan ponteng sebab dia tidak dapat menerima apa yang diajar.

Adalah dianggarkan kadar ponteng paling tinggi selepas peperiksaan. Ini kerana telah menjadi satu pola bagi sekolah-sekolah di Malaysia tidak meneruskan pengajaran dan pembelajaran selepas tamat peperiksaan akhir tahun. Semua berfikir bahawa pembelajaran tidak mustahak lagi selepas peperiksaan kerana matlamat bagi tahun berkenaan telah tercapai. Umumnya pelajar-pelajar dan guru-guru adalah hasil daripada satu sistem. Dalam masalah ini, para

pelajar dan guru tidak patut dipersalahkan tetapi kita perlu melihat pada akar masalah ini. Apa yang jelas pelajar-pelajar ponteng sebab sistem pendidikan itu sendiri.

Di kebanyakan sekolah di Malaysia masih mengamalkan sistem '**streaming**' iaitu mengelompokkan pelajar-pelajar mengikut peringkat kebolehan akademik masing-masing. Kesan daripada sistem inilah maka pelajar-pelajar akan cuba merealisasikan '**Self-fulfilling prophecy**' guru-guru terhadap mereka; Akibatnya mereka hanya akan bergaul dengan rakan sebaya yang setaraf atau sekelompok dengan mereka sahaja. Pelajar-pelajar yang lemah dan mudah dipengaruhi dengan gejala-gejala negatif akan berakhir dengan keciciran dalam pelajaran.

Mohd. Nor Abdullah @ Dollah (1986) dalam kajiannya terhadap 100 pelajar di Sekolah Menengah Rendah Bachok, Kelantan yang telah disahkan ponteng, mendapati bahawa faktor-faktor yang menyebabkan ponteng sekolah ialah status sosio-ekonomi yang rendah di mana tenaga anak-anak diperlukan untuk membantu meringankan beban ekonomi rumah tangga. Selain itu sikap negatif pelajar-pelajar terhadap pelajaran turut menyebabkan berlakunya ponteng sekolah. Beliau juga mendapati bahawa masalah

peribadi, emosi dan keluarga juga boleh menyebabkan berlakunya ponteng sekolah.

Jaafar Abdul Rahim (1977) dalam artikelnya yang bertajuk **“Seriuskah Masalah Ponteng Sekolah”** mengatakan bahawa kajian yang dibuat oleh beberapa Jabatan Pendidikan Negeri menunjukkan kadar pelajar ponteng di kalangan pelajar di kota adalah kurang berbanding dengan pelajar di desa. Kajian-kajian ini telah dilakukan di Daerah Kuala Selangor, Klang, Petaling Jaya dan Wilayah Persekutuan. Menurut beliau lagi banyak faktor yang mendorong pelajar-pelajar untuk ponteng sekolah. Ini melibatkan sikap pelajar, guru, ibu bapa dan masyarakat. Pada hari ini pelajar lebih terdedah kepada pengaruh persekitaran yang menarik dan memberikan ruang untuk mereka meninggalkan sekolah. Terdapat juga guru-guru yang tidak bersimpati terhadap pelajar-pelajar yang lemah dalam pelajaran dan mereka sering diabaikan. Ini menyebabkan mereka merasa rendah diri, tidak dihargai, malu, malah takut menghadapi teman-teman dan guru. Mereka menjadi jemu, bosan, malah benci kepada guru dan sekolah. Bagi setengah-setengah kes pula, masalah pengangkutan yang menyebabkan pelajar-pelajar ponteng khususnya di desa perkhidmatan bas yang tidak baik dan tidak menentu.

Bagi Awang Ahmad (1986) yang telah membuat kajian ke atas 50 pelajar yang ponteng sekolah di Sekolah Menengah Seri Ampang, Kuala Lumpur, mendapati bahawa ponteng sekolah disebabkan oleh pencapaian pelajaran yang lemah, taraf sosio-ekonomi keluarga yang rendah dan latar belakang pendidikan ibu bapa yang rendah.

Malek Murad (1975) sebagaimana yang dilaporkan oleh Siti Aishah Binti Ismail (1995) menyatakan bahawa terdapat setengah-setengah ibu bapa yang lupa bahawa rumah adalah asas kepada semua kehidupan sosial. Perubahan sosial yang melampaui masa telah menukar konsep anak-anak muda tentang diri sendiri dan orang lain. Mereka akan merasa kecewa sekiranya sistem pendidikan bertentangan dengan keperluan-keperluan mereka ini mungkin melahirkan 'pemberontak-pemberontak' yang ponteng sekolah, menyalahgunakan dadah, degil, malah ingin membalas dendam. Selain itu, suasana tradisi yang kaku di antara guru dan pelajar, hendaklah digantikan dengan hubungan yang lebih baik interpersonal dan dapat melegakan kebanyakan konflik di sekolah-sekolah.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Malek Murad (1975) , A. Rajaguru dan Mohd. Daud Saad (1978) juga turut bersetuju

bahawa masalah-masalah yang berkaitan dengan tatatertib yang tidak baik mempunyai akar umbinya di rumah dan sekolah serta beberapa faktor lain. Menurut mereka lagi satu faktor utama yang menyebabkan tingkah laku devians di kalangan pelajar-pelajar adalah kerana kurangnya persefahaman dan kawalan daripada ibu bapa. Keadaan ini timbul kerana:

- i. Perubahan norma-norma masyarakat yang mendadak menyebabkan adat dan kebiasaan turun-temurun tidak dihargai oleh muda-mudi;
- ii. Ketidakmampuan ibu bapa menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan;
- iii. Pengaruh-pengaruh luar dan media masa;
- iv. Keinginan untuk bebas.

Dalam kesibukan ibu bapa dengan kejaya masing-masing mereka telah terabai dengan tanggung jawab menangani masalah anak-anak dan membiarkan anak-anak mereka mengharungi liku-liku hidup yang penuh onak dan duri secara bersendirian. Malahan bagi ibu bapa yang status ekonominya rendah, kemiskinan dan sikap negatif terhadap

pelajaran akan diikuti-jejak oleh anak-anak mereka yang mempunyai tanggapan yang sama dan ini menjadi faktor penambah terhadap masalah disiplin di sekolah.

Laporan kajian keciciran (1973) turut menegaskan bahawa guru mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap proses pengajaran • pembelajaran. Pandangan dan penilaian pelajar terhadap guru, sama ada berkaitan dengan gaya pengajaran dan hubungan yang mesra atau sebakiknya berkemungkinan menimbulkan perasaan kecewa dan putus asa. Sikap dingin para guru akan menyebabkan hubungan keduanya menjadi ‘ impersonal’. Laporan kajian keciciran (1973) juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif di antara tanggapan pelajar terhadap guru-guru dengan dorongan peajaran.

Pada tahun 1980, Marimuthu (Hussein Mahmood, 1985;22) menyarankan agar direnungi semula amalan dan kaedah yang dijalankan di sekolah-sekolah yang mungkin mendorong pelajar-pelajar melakukan langgaran disiplin. Menurut beliau lagi, organisasi dan struktur belajar di sekolah seperti menempatkan pelajar-pelajar mengikut pencapaian (streaming), terlalu mementingkan peperiksaan, bentuk dan struktur ganjaran dan hukuman,

sikap serta jangkaan guru adalah di antara faktor-faktor yang memungkinkan wujudnya langgaran disiplin di sekolah.

Menurut Jagdish (1987), ibu bapa adalah dimensi penting dalam menentukan mutu prestasi persekolahan anak-anak; dan secara tidak langsung menjadi punca ketidak-Jengapan anak-anak mereka khususnya dalam bidang akademik dan disiplin. Apabila berlaku kegagalan berbagai-bagai pihak dipersafahkan sedangkan ibu bapa jarang sekali melakukan muasabah diri sendiri sebagai faktor kelemahan anak-anak. Umumnya dapat disimpulkan bahawa penglibatan ibu bapa sangat diperlukan sekiranya para pelajar diharapkan mencapai kejayaan akademik dan disiplin yang cemerlang.

Adalah diharapkan supaya institusi keluarga memainkan peranan yang lebih bersungguh-sungguh agar masalah disiplin dan gejala ponteng sekolah dapat ditangani. Dalam konteks masyarakat dan negara, kita bemasib baik kerana institusi keluarga masih belum luput. Namun begitu jika sekiranya tidak dipupuk, institusi ini juga akan turut terancam. Persoalan ini telah ditegaskan oleh Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan sempena Perayaan Tahun Baru 1995. Menurut beliau;

"Tanda-tanda menunjukkan bahawa peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak sudah agak berkurangan. Mungkin ini disebabkan oleh kedua-dua ibu bapa bekerja. Tetapi belia yang teriibat bukan semuanya mempunyai ibu bapa yang bekerja sepanjang hari. tiakikatnya ialah banyak ibu bapa yang tidak memberikan perhatian serius kepada pendidikan anak-anak mereka. Kawaian terhadap kebebasan anak-anak mereka juga lemah. Ibu bapa harus mengefahui siapa kawan anak-anak mereka dan di mana mereka bersiar-siar dan menghabiskan masa. "

(Dewan Masyarakat, Mei 1995; 1 7)

Kerjasama yang erat daripada ibu bapa adalah sangat diperlukan dalam usaha membenteras salah laku di kalangan para pelajar khususnya ponteng sekolah. Daripada satu tinjauan yang dilakukan menunjukkan bahawa sebahagian besar remaja yang melakukan salah laku ini tinggal bersama-sama keluarga. Sebagai contoh 84.5% remaja di Kedah yang terbabit dengan kes-kes salah laku tinggal bersama-sama keluarga mereka (Dewan Masyarakat Mei 1995 7). Faktor keluarga yang menyumbang kepada perfakuan devians adalah seperti merosotnya asuhan, didikan, kawalan ibu bapa dan kesibukan ibu bapa. Keadaan-keadaan tersebut menjejaskan intraksi antara satu sama lain dan masing-masing membawa haluan sendiri.

2.4 Definisi Konsep dalam Kajian

2.4.1 Ponteng sekolah

Ponteng dalam kontak pendidikan didefinisikan sebagai tuang sekolah atau tidak hadir ke sekolah tanpa keizinan daripada guru: dalam Bahasa Inggeris difahami sebagai 'playing truant'. (Ruhayati Idayu, 1978).

Menurut Oxford English Dictionary (1965), Ponteng adalah *'one who absents himself from place of work, especially the child who stay away from school without leave'*.

Manakala Normah Ismail (dilaporkan oleh Yaakub, 1977) menyatakan bahawa ponteng adalah *'one who absents or staying away from school without justiable reason and without the knowledge of parent or teachers'*.

Ibrahim Saad (1986) mengkategorikan ponteng ke dalam aktiviti-aktiviti yang berikut:

- i. Kanak-kanak yang tidak didaftarkan dan tidak hadir ke sekolah walaupun telah berumur dalam lingkungan 7 - 12 tahun.

- ii. Kanak-kanak yang mahu ke sekolah tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana masalah kewangan, menolong ibu bapa bekerja, keuzuran dalam keluarga dan terpaksa menjaga rumah, adik-adik dan sebagainya.
- iii. Mereka yang sengaja tidak datang ke sekolah, mereka ke luar rumah di awal pagi dengan pakaian sekolah dan beg berisi buku; sebaliknya pergi berpelesenan di kebun-kebun bunga, kebun kelapa sawit memancing ikan di kolam-kolam atau di sungai-sungai, mandi di sungai atau di lombong-lombong, berfoya-foya di kompleks membeli-belah atau di pusat-pusat hiburan.

Yaakub (1977) mendefinisikan ponteng sekolah sebagai tidak hadir ke sekolah atau tidak datang belajar tanpa keizinan guru atau ibu bapa. Ini termasuklah pelajar-pelajar yang meninggalkan kelas tanpa keizinan guru, lari ke luar dari kawasan sekolah pada waktu yang sepatutnya mereka berada di dalam kelas untuk menerima ilmu pendidikan daripada guru yang sedang mengajar.

Ruhyati Idayu (1978) berpendapat bahawa ponteng ialah merupakan satu daripada berbagai-bagai jenis masalah disiplin yang dihadapi oleh pihak sekolah sama ada di bandar atau di kawasan luar bandar.

Manakala Ismail pula (dilaporkan oleh Manja, 1990) merumuskan ponteng sekolah sebagai pelajar-pefajar yang tidak ke sekolah tetapi menghilangkan diri pada sebahagian daripada waktu belajar tanpa izin guru.. Begitu juga jika didapati seseorang pelajar meninggalkan kelas disebabkan tidak menyukai sesuatu mata pelajaran atau seseorang gurunya. Tindakan ini dikatakan ponteng juga sekiranya tanpa keizinan guru yang berkenaan.

2.5 Definisi Operasional

2.5.1 Gejala

Adalah merupakan perkara yang menimbulkan kesulitan/kesusahan akibat tindakan pelajar-pelajar melanggar undang-undang dan peraturan sekolah sebagaimana yang telah ditetapkan. Kesulitan ini timbul akibat tindakan pelajar-pelajar yang dipengaruhi oleh faktor-

faktor tertentu yang menyebabkan timbulnya masalah di sekolah.

2.5.2 Ponteng Sekolah

Maksud ponteng sekolah dalam kajian ini adalah seperti yang digarapkan oleh Ibrahim Saad (1986) iaitu mereka yang senagaja tidak datang ke sekolah. Mereka keluar di awal pagi dengan pakaian lengkap dan beg berisi buku, sebaliknya mereka pergi ke kebunbunga, memancing ikan, mandi-manda, berfoya-foya di tempat-tempat tumpuan awam.

Dalam kajian ini salah laku ponteng sekolah boleh dibahagikan kepada dua [2] jenis, iaitu ponteng sekolah berterusan dan ponteng sekolah berkala. Menurut panduan yang diberikan oleh Unit Disiplin Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) tahap ponteng sekolah adalah seperti berikut;

Jadual 1: Kateori Ponteng Sekolah

Jenis Ponteng	Ponteng Sekolah Berterusan	Ponteng Sekolah Berkala
Surat Amaran	Tidak hadir (P) hari berturut-turut	(P) Hari berturut-turut tidak hadir
Pertama	Pada hari ketiga	Pada hari kesepuluh
Kedua	7 Hari selepas amaran pertama	10 hari selepas amaran pertama
Terakhir	7 hari selepas amaran kedua	20 hari selepas amaran kedua
Buang sekolah	14 hari selepas amaran terakhir	20 hari selepas amaran terakhir
Jumlah hari	31 hari berturut-turut	60 hari

Oalam kajian ini kriteria yang digunakan untuk memastikan seseorang pelajar itu ponteng sekolah ialah dengan mengambil kira apabila pelajar itu ponteng sekurang-kurangnya tiga [3] hari dalam sebulan secara berterusan atau tujuh [7] hari dalam sebulan secara berkala. Kriteria ini digunakan kerana pelajar yang tidak hadir selama tiga [3] hari dalam sebulan bermakna pelajar berkenaan telah ponteng lebih kurang 15% daripada masa persekolahannya dalam sebulan. Bagi pelajar yang tidak hadir selama tujuh [7] hari dalam sebulan bermaksud beliau telah tidak datang ke sekolah hampir 40% daripada masa persekolahannya dalam seminggu atau 35% dalam sebulan.. Penetapan begini dilakukan untuk memastikan amalan ponteng

sekolah yang dilakukan oleh pelajar adalah munasabah dan benar sebagai kes ponteng yang tepat.

2.5.3 Pelajar Tingkatan Empat [4]

Pelajar-pelajar sekolah menengah lelaki dan perempuan yang berumur dalam lingkungan 16 - 18 tahun yang terdiri daripada berbagai etnik.

2.6 timitasi Kajian

2.6.1 Penyelidikan ini hanya dilakukan di 16 buah sekolah menengah di Daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan. Enrolemen pelajar adalah seramai 13.395 orang. Sekolah-sekolah yang terlibat terdiri daripada sepufuh [14] buah grd A dan [2] buah sekolah grd B, di kawasan luar bandar dan bandar.

2.6.2 Persampelan responden adalah terbatas kepada pelajar-pelajar Tingkatan Empat [4] yang telah dikenalpasti sebagai golongan pelajar yang selalu ponteng. Ini berdasarkan rekod langgaran disiplin yang

telah diberikan oleh guru-guru disiplin dari sekolah-sekolah yang berkenaan.

2.6.3 Kelemahan Sampel - Pelajar yang ponteng berterusan mungkin tidak dapat dijadikan responden kerana semasa kejian soal selidik dijalankan, mereka tidak hadir ke sekolah dan setengah-setengahnya pula telah dibuang sekolah, setelah surat amaran kali terakhir dikirimkan kepada kedua ibu bapa atau penjaga pelajar berkenaan.

2.6.4 Responden yang teriibat tidak mendedahkan masalah mereka yang sebenarnya. Kebanyakan mereka memberikan jawapan yang 'ideal' bukan berlandaskan realiti.

2.6.5 Kekangan masa - tempoh kajian yang diperuntukkan adalah agak pendek.

2.7 Kesimpulan

Daripada tinjauan di atas, kajian yang telah dilakukan oleh para penyelidik mengenai ponteng sekolah, mendapati bahawa faktor latar belakang keluarga, keadaan sosio-ekonomi keluarga yang rendah, peribadi pelajar sendiri,

kawalan disiplin yang terlalu ketat atau terlalu longgar dan pengurusan sekolah menjadi faktor yang menyebabkan berlakunya ponteng sekolah di barat. Selain itu kurangnya kasih sayang keluarga dan keadaan yang tidak tenteram serta penekanan pembelajaran turut menjadi faktor ponteng sekolah. Kebanyakan mereka berpendapat bahawa faktor tersebut kadang kala bukanlah menjadi satu faktor yang tersendiri tetapi saling berkaitan antara satu sama lain.

Bagi pengkaji tempatan pula, mereka mendapati bahawa faktor dalaman sekolah seperti kelemahan penyampaian pelajaran oleh guru, perhubungan antara guru dengan murid, peraturan disiplin yang terlalu ketat atau terlalu longgar serta persekitaran sekolah, menjadi faktor yang mempengaruhi ponteng sekolah.

BAB3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan


Dalam bahagian ini dibincangkan berkenaan dengan metodologi yang bakal digunakan. Penumpuan akan difokuskan terhadap perkara-perkara berikut:

- 3.1.1 Rekabentuk Kajian,
- 3.1.2 Kawasan Kajian,
- 3.1.3 Responden Kajian,
- 3.1.3 Instrumen Kajian,
- 3.1.4 Kaedah Penyelidikan,
- 3.1.5 Kaedah Analisis Data.

Kajian ini adalah kajian tinjauan keratan **rentas** dengan teknik **soal** selidik tertutup dan temubual.

3.2 Reka bentuk kajian

JADUAL 3.1 : REKA BENTUK KAJIAN



Data Primer • soal selidik dan temubual.

Data Sekunder • diambil daripada sumber-sumber bertulis yang diterbitkan mahupun yang tidak diterbitkan.

3.1.2 Lokasi Kajian

Kawasan kajian yang dipilih ialah Daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan. Keluasannya ialah sejumlah 1,200.57 kilometer persegi dengan kepadatan penduduk sejumlah 541,000 orang yang terdiri daripada berbagai-bagai keturunan yang menganuti berbagai agama.

Jumlah sekolah di daerah ini adalah 86 buah, 17 buah daripadanya sekolah menengah dan bakinya 69 buah adalah sekolah rendah [sekolah kebangsaan, SRJK(C) dan SRJK (T)].

Pejabat Pendidikan Daerah [PPD] Hilir Perak diasaskan pada 1 Februari, 1982 bertujuan untuk membantu Jabatan Pendidikan Negeri [JPN] Perak Darul Ridzuan, dalam pengendalian, penyelarasan dan pengawasan sekolah-sekolah dengan lebih hampir dan lebih berkesan lagi.

Bagi tujuan kajian ini, tumpuan diberikan kepada sekolah menengah sahaja iaitu 16 daripada 17 buah sekolah. Sebuah sekolah yang dikecualikan ialah Sekolah Menengah Sains Teluk Intan, kerana ianya adalah sebuah sekolah

berasrama penuh dan pengurusannya diuruskan terus dengan Kementerian Pendidikan [Bahagian Asrama Penuh] Daripada 16 buah sekolah tersebut, 14 adalah dikategorikan sekolah menengah gred-A dan 2 buah kategori gred-B.

JADUAL 3.2 : KUTIPAN DATA PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH DAERAH HILIR PERAK [31 JANUARI, 1998]

BIL.	NAMA SEKOLAH	GRD	BIL.PEL.& KELAS		BIL. GURU
1	S.M. SERI PERAK T. INTAN	A	2016	60	140
2	S.M. SULTAN ABDUL AZIZ	A	1890	58	112
3	S.M. RAJA MUDA MUSA	A	1400	42	86
4	SMJK CONVENT	A	1335	41	82
5	SMJK ST.ANTHONY	A	1232	38	76
6	S.M. VOKASIONAL (PER)	A	640	24	38
7	S.M. SUNGAI MANIK	A	897	27	53
8	S.M. BATU EMPAT	A	654	21	39
9	SMJK SAN MIN	A	868	27	53
10	S.M. DATO' SAGOR	A	1320	36	86
11	S.M. SULTAN ABDULLAH	A	1210	35	76
12	S.M. SIMPANG EMPAT	A	980	30	60
13	S.M.KHAIR JOHARI	A	1459	48	86
14	SM. TUN ABD. RAZAK	A	1134	38	83
15	S.M. SERI MUARA	A	1325	45	87
16	S.M. ULU BERNAM	B	633	20	40
JUMLAH			15,376	388	873

Sumber : Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak.

3.4 Responden Kajian

Responden yang dipilih untuk tujuan kajian ini **terdiri** daripada pelajar Tingkatan **Empat**. Pemilihan ini berdasarkan rekod kehadiran mereka semasa berada di Tingkatan Tiga iaitu bulai dari Januari 1997 hingga 31 Disember, 1997.

Untuk memastikan pelajar berkenaan terbabit dengan ponteng sekolah, penyelidik telah mendapat bantuan daripada Guru Penolong Kanan Hal Ehwal **Murid** (HEM) dan Ketua Guru Disiplin sekolah-sekolah berkenaan. Mereka mempunyai rekod yang khas **bagi** pelajar-pelajar yang ponteng di sepanjang tahun 1997.

Sebahagian besar daripada responden **adalah** melakukan kesalahan ponteng berkala. Cuma sebilangan **kecil** sahaja yang melakukan ponteng berterusan. **Ini** disebabkan semasa penyelidik membuat **soal** selidik, **mereka** yang ponteng berterusan memang tidak hadir ke sekolah atau sudahpun dibuang sekolah. Jumlah responden adalah seramai 100 orang.

3.5 Instrumen Kajian

Untuk mendapatkan maklumat daripada kumpulan responden **tersebut** penyelidik menyediakan satu set **soal selidik** yang berpanduan kepada **soal selidik** yang disediakan oleh Unit Disiplin, Bahagian Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Data dikumpulkan melalui **soal selidik**. Menurut Sekaran (1992) kaedah inilah yang paling **banyak** dan paling sesuai digunakan apabila jumlah responden **banyak**. Soal selidik lengkap dipaparkan dibahagian lampiran.

3.5.1. KESAHAN SOAL SELIDIK

Walaupun soal selidik yang digunakan diambil daripada **sumber** lain (Unit Disiplin, Bahagian **Sekolah-sekolah**, Kementerian Pendidikan Malaysia), satu kajian rintis telah dilakukan untuk mengesahkannya. Kesahan **alat** mengukut telah diuji dengan menggunakan kaedah *Cronbach's Alpha*. Menurut Sekaran (1992) Cronbach's Alpha ialah kebolehpercayaan Coefficient yang menunjukkan sejauh manakah respons **soalan** mempunyai hubungkait yang positif di antara satu dengan lain. Semakin hampir nilai

Cronbach's Alpha dengan nilai 1 semakin tinggi konsisten kebolehpercayaan **soalan-soalan** tersebut.

Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan ke **atas** 40 pelajar di Sekolah Menengah Dato' **Sagor** mendapati **alat** pengukur yang digunakan boleh diterima berdasarkan nilai Cronbach's Alphanya ialah 0.7712.

BAHAGIAN A ▪ Maklumat latar belakang responden, terdiri daripada 10 **soalan**.

BAHAGIAN B ▪ Soal selidik untuk pelajar, terdiri daripada 40 **soalan** YA / TIDAK

3.6 Kaedah Penyelidikan

Sebelum memulakan penyelidikan di sekolah-sekolah berkenaan, penyelidik telah memperoleh kebenaran daripada pihak-pihak berikut:

- i. Dekan Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia
- ii. Bahagian Sekolah-Sekolah, KPM.
- iii. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, KPM.
- iv. Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

v. Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak.

Bagi menetapkan tarikh untuk mengendalikan soal selidik, penyelidik telah menghubungi Pengetua sekolah-sekolah berkenaan secara bertulis dan melalui telefon.

Untuk mengutip data daripada responden yang telah dipilih, mereka dikumpulkan oleh Penolong Kanan [HEM] atau Ketua Guru Pengawas atau Penyelaras Tingkatan di dalam satu bilik sama ada di Pusat Sumber, Bilik Gerakan, Bilik Mesyuarat atau kelas-kelas yang kosong. Pelajar-pelajar diawasi oleh penyelidik sendiri dan masa yang diperuntukkan ialah selama 45 minit. Usaha mengendalikan soal selidik ini bermula pada 2 Januari, 1998 hingga 16 Januari, 1998.

3.7 Kaedah Analisis

3.7.1 Kajian ini bertujuan untuk menentukan sama ada empat [4] aspek berikut mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejadian ponteng sekolah:

- i. Masalah diri pelajar.
- ii. Faktor sekolah.

iii. Faktor rakan sebaya.

iv. Faktor persekitaran

Mengkaji **sama ada** wujud perbezaan tendensi untuk ponteng sekolah antara pelajar lelaki dan perempuan.

3.7.2 Data **diproses** dengan menggunakan perisian SPSS for Windows 7.5. Untuk mengukur min, sisihan lazim, kekerapan dan purata.

Untuk menguji hipotesis teknik statistik inferential seperti **analisis** multiple regression, **analisis** korelasi Ujian-T dan Anova telah digunakan.

3.7.3. Kriteria Pembuat Keputusan

Kajian ini menggunakan **paras** signifikan ($P < 0.05$). **Paras** inilah yang selalu digunakan oleh **pengkaji-pengkaji** sains **sosial** masa kini. Untuk menolak H_0 hubungannya mestilah **sekurang-kurangnya** signifikan pada **paras** $p < 0.05$ dan nilai coefficientnya mestilah sekurang-kurangnya $t = 0.03$ (Salkind, 1997). Untuk melihat kekuatan kolerasi ia boleh diterjemahkan berdasarkan jadual berikut:

Jadual 4.1

ABSOLUTE COEFFICIENT VALUE BETWEEN	QUALITATIVE DESCRIPTION
0.80 – 1	Very strong relationship
0.61 – 0.80	Strong
0.31 – 0.60	Moderately Strong
0.21 – 0.30	Weak
0.00 – 0.20	Very Weak

Sumber: 'Interpreting the Correlation Coefficient' in Salkind, Neil J. (1997). **Exploring Research**, New Jersey USA: Prentice-Hall Inc.

Masalah Sekolah

10 masalah diri sekolah merangkumi bidang-bidang berikut:

- pengajaran guru,
- tugas yang diberi
- undang-undang sekolah,
- sikap guru disiplin,
- suasana pembelajaran,
- sikap guru,
- suasana bilik darjah,
- kemesraan guru-murid,
- makanan di kantin.

Masalah yang ditanda sahaja dibuat pengiraan. **Markah-markah** yang diperolehi bagi setiap soalan dicampurkan dan kemudian dihitung peratus skornya.

3.7.2 Statistik taburan digunakan untuk menentukan hubungan koreiasi antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas.

3.7.3 Untuk menentukan peramal terbaik (Best Predictor) yang menyebabkan berlakunya gejala ponteng di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat kaedah **analisis *Stepwise Regression*** digunakan

BAB 4

KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Perbincangan dalam bahagian ini akan tertumpu kepada **analisis** deskriptif dan **analisis** statistik di **samping** membincangkan keputusan kajian mangikut susunan **soalan-soalan** penyelidikan. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengkaji hubungan antara kajian ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan **Empat** dengan faktor sekolah, masalah diri pelajar, rakan sebaya dan persekitaran.

4.1 PERSOALAN PENYELIDIKAN

sebagai garis panduan untuk kajian, **soalan-soalan** penyelidikan yang digunakan ialah seperti berikut:

4.1 .1 Adakah faktor masalah sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejadian ponteng di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan **Empat**?

4.1.2 Adakah masalah peribadi pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan gejala ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan **Empat**?

4.1.3 Adakah masalah persekitaran mempengaruhi gejala ponteng sekolah di kalangan pelajar Tingkatan **Empat**?

4.1.4 Adakah pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan dengan masalah ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan **Empat**?

4.1.5 Mengkaji **sama ada** wujud perbezaan antara pelajar lelaki dengan perempuan dalam tendensi untuk ponteng sekolah

4.2 **PROFIL** RESPONDEN

Laporan **tentang** dapatan dimulai dengan penerangan mengenai **profil** responden. Untuk mendapatkan data, 200 borang soalselidik diedarkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan **Empat**. 150 borang soalselidik **dikembalikan** dan hanya 120 sahaja yang dapat digunakan kerana yang lain-

nya tidak diisi dengan lengkap. Jadual di bawah menunjukkan bilangan responden pelajar mengikut jantina, tempat kediaman dan **cara** ke sekolah.

JADUAL 4.2 BILANGAN RESPONDEN MENGIKUT JANTINA, TEMPAT KEDIAMAN DAN CARA KE SEKOLAH.

ITEM		BIL.	PERATUS
Jantina	Lelaki	88	73.3
	Perempuan	32	26.6
Tempat kediaman	Rumah Ibubapa	102	85
	Rumah Ibu sahaja	11	9.16
	Rumah Bapa sahaja	5	4.16
	Rumah Penjaga	2	1.16
Cara ke-sekola h	Berjalan kaki	20	16.6
	Berbasikal	32	26.6
	Bermotosikal	12	10
	Menai ki kereta	3	2.5
	Menaiki Bas	53	44.1

Jadual di **atas** menunjukkan bilangan responden lelaki ialah sebanyak 88 orang (73.3%) mengatasi responden perempuan 32 orang (26.6%) manakala majoritinya tinggal

JADUAL 4.3 MAKLUMAT IBU, BAPA DAN PENJAGA RESPONDEN

Item		Bilangan	Peratus
Umur	Kurang 30 tahun	02	1.6
	31- 40 tahun	21	17.5
	41 – 50 tahun	65	54.2
	51 – 60 tahun	20	16.7
	Melebihi 60 tahun	12	10.0
Pendidikan	Tidak bersekolah	04	3.3
	Sekolah Rendah	45	37.5
	Sekolah Menengah	56	46.7
	Maktab/Diploma/Universiti	15	12.5
Pekerjaan	Sendiri	45	37.5
	Kerajaan	60	50.0
	swasta	15	12.5
Pendapatan	Kurang daripada RM350	05	4.2
	RM 351 - RM 700	16	13.3
	RM 701 – RM 1000	25	20.8
	Melebihi RM 1000	74	61.6

Dengan ibu bapa **masing-masing** iaitu seramai 102 orang (85%). Yang lainnya 11 orang (9.16%) tinggal dengan ibu tunggal, 5 orang (5.16%) tinggal dengan bapa sahaja dan 2 (1.16%) orang tinggal dengan penjaga. **Cara** datang ke sekolah pula majoritinya (53 Orang – 44.1%) menaiki bas, 32 orang berbasikal, 20 orang berjalan **kaki**, 12 orang bermotosikal dan 3 orang menaiki kereta.

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa majoriti ibu **bapa/penjaga** responden adalah terdiri daripada mereka yang **berumur** antara 41-50 tahun. Lingkungan umur sebegini menunjukkan bahawa keluarga telah stabil dari segi ekonomi dan berkeupayaan untuk menjaga keluarga mereka dengan sempurna. Dari segi pendidikan, majorii ibubapa mempunyai pendidikan jika diikuti pecahan, hanya 4 orang (3.7%) sahaja ibubapa yang tidak mendapat pendidikan manakala 45 orang (37.5%) mendapat pendidikan di peringkat sekolah **rendah** dan 56 orang (46.7%) mendapat pendidikan sekolah menengah dan 15 orang (12.5%) mendapat pendidikan di IPT. Perangkaan ini menjelaskan

bahawa tahap pendidikan ibubapa yang boleh dikatakan baik dan tentu sekali mereka mempunyai kesedaran yang tinggi untuk **memberi** pendidikan yang sempurna kepada anak-anak mereka di **samping** mendidik disiplin yang baik.

Dari segi pekerjaan **pula**, seramai 45 orang (37.5%) bekerja sendiri, 60 orang (50%) bekerja dengan kerajaan dan 15 orang (12.5%) bekerja dengan pihak swasta. Daripada data yang diperolehi 5 orang (4.16%) berpendapatan kurang daripada RM 350, 16 orang (13.3%) berpendapatan antara **RM351 – RM700**, 25 orang (20.8%) berpendapatan antara **RM701 – RM 1000** dan 74 orang (61.6%) berpendapatan melebihi RM 1 000.

4.4 Tahap ponteng dan keputusan peperiksaan

Mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Unit Disiplin Kementerian Pendidikan Malaysia kategori ponteng boleh dibahagikan kepada beberapa tahap, walau bagaimanapun bagi tujuan kajian ini tahap dalam kategori ponteng telah

diubahsuai dan dibahagikan kepada tiga tahap seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 4.4 di bawah.

JADUAL 4.4 Tahap Ponteng di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat.

Tahap ponteng	Bilangan Pelajar	Peratus
Rendah: (0 -10 hari)	32	26.6
Sederhana: (11 – 20 hari)	37	30.8
Tinggi: (21 – 74 hari)	51	42.5
JUMLAH	120	100

Berdasarkan jadual di atas didapati 51 orang (42.5%) yang mengalami tahap ponteng yang tinggi.

JADUAL 4.5 KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PERTENGAHAN SEMESTER PELAJAR PONTENG.

KEPUTUSAN	BIL.	PERATUS
LULUS	52	43.3
GAGAL	64	53.3
TIDAK HADIR	4	3.3
JUMLAH	1 2 0	100

Jadual di **atas** jelas menunjukkan bahawa di kalangan pelajar-pelajar ponteng, peratus lulus peperiksaan adalah **rendah** (43.3%) atau 52 orang jika dibandingkan dengan mereka yang lulus.

4.5 Keputusan Ujian Keatas Hipotesis-Hipotesis Berdasarkan Korelasi Dan Regrasi Serta Stepwise Regression

Persoalan kajian ialah adakah kejadian ponteng sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor-faktor sekolah, persekitaran, diri pelajar dan rakan sebaya.

Dalam mencari jawapan kepada persoalan kajian **empat** hipotesis telah dikenal **pasti** iaitu faktor sekolah, faktor persekitaran, faktor diri pelajar dan faktor rakan sebaya.

Jadua14.6 Pearson Correlation Coefficients of Kejadian Ponteng

Independent variable	Correlation Coefficient (r)	Significant (p)
Faktor Sekolah	-0.361	0.651
Faktor Persekitaran	-0.412	0.001**
Faktor diri Pelajar	-0.554	0.000**
Faktor rakan sebaya	0.371	0.000**

**** Sig. At $p < 0.01$**

Hipotesis 1

H₀₁: Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor masalah sekolah dengan kejadian ponteng sekolah.

H_{a1}: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor masalah sekolah dengan kejadian ponteng sekolah.

Jadua14.6.1 Pearson Correlation Coefficients. Kejadian Ponteng dengan Faktor Sekolah

Independent variable	Correlation Coefficient (r)	Significant (p)
Faktor Sekolah	-0.361	0.651

**** Sig. At $p < 0.01$**

H_{01} Diterima. Berdasarkan kepada keputusan Pearson Correlation pada jadual di atas, kajian empirikal membuktikan bahawa kejadian ponteng tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor sekolah. Nilai r ialah negatif dan lemah ($r = -0.361$, $p > 0.01 = 0.651$). Ini membuktikan bahawa dalam kajian ini bahawa faktor sekolah mempunyai hubungan yang negatif dengan kejadian ponteng sekolah yang membawa maksud tiada tendensi untuk pelajar-pelajar Tingkatan Empat ponteng sekolah disebabkan faktor-faktor yang relevan dengan sekolah mereka.

Hipotesis 2

H_{02} : Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor masalah pelajar dengan kejadian ponteng sekolah.

H_{a2} : Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor masalah pelajar dengan kejadian ponteng sekolah.

JADUAL 4.7 MASALAH DIRI PELAJAR

JENIS MASALAH	BIL.	PERATUS
1. Kesihatan & Perkembangan Fizikal	5	4.2
2. Kewangan /keadaah hidup/pekerjaan	25	20.8
3. Kesihatan sosial & masa lapang	8	6.6
4. Hubungan psikologi sosial	7	5.8
5. Hubungan psikologi peribadi	12	10.0
6. Sek dan perkahwinan	9	7.5
7. Keluarga dan tempat tinggal	4	3.3
8. Penyesuaian sekolah	44	36.7
9. Kurikulum dan pengajaran	6	5.0
10. Tiada masalah		
JUMLAH	120	100

Jadua14.6.2 Pearson Correlation Coefficients. Kejadian Ponteng dengan Faktor Masalah Diri Pelajar

Independent variable	Correlation Coefficient (r)	Significant (p)
Faktor Masalah diri Pelajar	-0.554	0.000* *
** Sig. At $p < 0.01$		

Berdasarkan keputusan Ujian Pearson Correlation Seperti yang ditunjukkan pada jadual 4.6.2. H_{02} ditolak ($p > 0.01$). Keputusan itu membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor masalah peribadi pelajar dengan kejadian ponteng sekolah. Oleh demikian H_{a2} diterima. Hubungan yang dikenalpasti didapati positif

($r=0.554$) dan kukuh . Hubungan ini membuktikan bahawa semakin **banyak** masalah peribadi pelajar semakin tinggi keinginannya untuk ponteng. Fenomena ini adalah **biasa** kerana **pada** peringkat remaja, mereka sering dikaitkan dengan pelbagai masalah dalaman. Pelajar-pelajar yang mempunyai masalah peribadi lebih cenderung untuk mencurahkan masalah yang dihadapi kepada rakan sebaya mereka daripada memberitahu guru-guru mahupun ibubapa mereka. Mereka **juga** suka melencong ke tempat lain untuk melupakan masalah peribadi mereka daripada pergi ke sekolah.

Hipotesis 3

H₀₃: Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor masalah persekitaran dengan kejadian ponteng sekolah.

H_{a3}: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor masalah persekitaran dengan kejadian ponteng sekolah.

Jadual 4.6.3 Pearson Correlation Coefficients. Kejadian Ponteng Dengan Faktor Persekitaran.

Independent variable	Correlation Coefficient (r)	Significant (p)
Faktor Persekitaran	-0.412	0.000**
** Sig. At $p < 0.01$		

Sebagai mana yang ditunjukkan pada jadual 4.6.3, H_{03} ditolak. Ini bermakna memang terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persekitaran dengan kejadian ponteng sekolah ($p < 0.01$). Walau bagaimanapun hubungan ini didapati sederhana kukuh (moderately strong) dan bersifat negatif ($r = -0.412$). Oleh yang demikian H_{a3} diterima. Ini membuktikan bahawa faktor persekitaran merupakan salah satu faktor yang dominan yang menyebabkan berlakunya gejala ponteng. Hubungan yang negatif menunjukkan bahawa keadaan persekitaran yang teruk menyebabkan mereka kurang berminat untuk ke sekolah.

Hipotesis 4

H_{04} : Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor masalah rakan sebaya dengan kejadian ponteng sekolah.

H_{a4}: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor masalah rakan sebaya dengan kejadian ponteng sekolah.

Jadual 4.6.4 Pearson Correlation Coefficients. Kejadian Ponteng Dengan Faktor Rakan Sebaya.

Independent variable	Correlation Coefficient (r)	Significant (p)
Faktor rakan sebaya	0.371	0.000**
** Sig. At $p < 0.01$		

Keputusan Ujian Pearson Correlation Coefficient dalamajah di atas menunjukkan bahawa H_{04} ditolak ($p < 0.001$). Faktor rakan sebaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejadian ponteng sekolah. Hubungan ini menunjukkan semakin tinggi pengaruh rakan sebaya semakin tinggi keinginan untuk ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar. Hubungan yang dikenal pasti bersifat positif tetapi sederhana dengan nilai Coefficient r ($r=0.371$). Hasil daripada ujian ini didapati bahawa **H_{a4}** diterima iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara gejaia ponteng sekolah dengan pengaruh rakan sebaya.

Hipotesis 5

H₀₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar-pelajar lelaki dengan pelajar-pelajar perempuan dalam gejala untuk ponteng sekolah.

H_{a5} Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar-pelajar lelaki dengan pelajar-pelajar perempuan dalam gejala ponteng sekolah.

Jadual 4.8 Ujian T-Test untuk menguji jantina bagi sampel

T-Test for Equality of Means

Variances	T-Value	Df	2-tail sig.	SE of Diff.	95%ci	For diff
Equal	3.18	120	0.30	.391	(.084	1.632
Unequal	2.15	32.1	.033	.396	(.072	1.335
Levene's test for Equality of Variance F=.402 1				P < 0.03		

Untuk menguji hipotesis ini, Ujian-T Sampel bebas (independent sample *T=Test*) telah digunakan. Dalam jadual 4.8 di atas H_{05} ditolak. Berdasarkan ujian-T nilai t untuk hipotesis ini ialah 3.18 manakala darjah kebebasan (degree of freedom) iaitu jumlah sampel ditolak dengan 2. Ujian Levene untuk persamaan varians menunjukkan F lebih besar daripada 3 ($F > 3.0$ dan $p < 0.05$). Oleh yang demikian H_{05} ditolak dan H_{a5} diterima kerana memang terdapat perbezaan dalam gejala ponteng sekolah di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Ujian ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar perempuan lebih komited kepada persekolahan jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar lelaki.

4.9. Peramal Terbaik Faktor Gejala Ponteng Sekolah

Masalah peribadi pelajar menjadi peramal terbaik (best Predictor) kepada gejala ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat ($\beta = -316$, $p < 0.01$). Nilai β yang negatif memberi petunjuk bahawa gejala ponteng

sekolah akan berlaku terhadap seseorang pelajar jika dia menghadapi banyak masalah peribadi. Dalam kata lain ia bermaksud jika pelajar itu mempunyai masalah peribadi yang banyak maka kuranglah minatnya untuk datang ke sekolah. Jadual 4.9 menunjukkan keputusan ujian **Analisis Stepwise Regression** untuk mendapatkan peramal terbaik .

Jadua14.9 Ringkasan Analisis Stepwise Regression bagi Kejadian Ponteng Sekolah

Variables	Regression Coefficient (β)	Sig. F
Faktor Sekolah	0.123	0.618
Faktor Persekitaran	-0.041	0.035*
Faktor Diri Pelajar	0.316	0.000**
Faktor Rakan Sebaya	0.301	0.001*

**Sig. at $p < 0.01$

*Sig. at , 0.05

Multiple R = 0.05424	F Value = 5.29250
R Square = 0.06788	D.F. = 5
Adjusted R Square0.08522	Sig. F = 0.0001

4.10 Ringkasan kepada Hipotesis yang telah diuji

HIPOTESIS NULL	KEPUTUSAN
H₀₁: Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor masalah sekolah dengan kejadian ponteng sekolah.	Ho Diterima
H₀₂: Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor masalah pelajar dengan kejadian ponteng sekolah.	Ho Ditolak
H₀₃: Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor masalah persekitaran dengan kejadian ponteng sekolah.	Ho ditolak
H₀₄: Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor Masalah rakan sebaya dengan kejadian ponteng sekolah.	Ho ditolak
H₀₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar-pelajar lelaki dengan pelajar-pelajar perempuan dalam gejala ponteng sekolah.	Ho ditolak

4.11 Kesimpulan

Dalam ujian regresi yang dibuat, hubungan empat pembolehubah bebas iaitu faktor sekolah, faktor rakan sebaya, faktor persekitaran dan faktor masalah peribadi dengan gejala ponteng sekolah menunjukkan keputusan

keseluruhan nilai R Square bersamaan 0.06758 sementara nilai r 0.05424. Ini bermakna 5 peratus daripada varians dalam kejadian ponteng sekolah diterangkan secara bersama dengan 3 pembolehubah bebas. Faktor-faktor rakan sebaya, masalah diri pelajar dan faktor persekitaran menjadi pendorong pelajar-pelajar Tingkatan Empat di Daerah Hilir Perak untuk ponteng sekolah.

Dapatan utama dalam kajian ini ialah:

- a. Faktor masalah peribadi merupakan faktor yang paling dominan dan peramal terbaik dalam kejadian ponteng sekolah.
- b. Faktor persekitaran juga turut mempengaruhi pelajar-pelajar untuk ponteng sekolah. Wujudnya tempat-tempat hiburan dan taman rekreasi menjadi 'sarang' untuk pelajar-pelajar ponteng.
- c. Rakan sebaya turut mempengaruhi pelajar untuk ponteng. Ini memanglah menjadi satu fenomena kepada golongan remaja kerana mereka lebih mudah

dipengaruhi oleh rakan sebaya jika dibandingkan dengan guru-guru mahupun ibu bapa.

- d. **Pelajar** lelaki lebih cenderung untuk ponteng jika dibandingkan dengan pelajar perempuan.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN SARANAN

Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk melihat perhubungan di antara faktor-faktor seperti sekolah, rakan sebaya, persekitaran dan masalah peribadi dengan kejadian ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat di enambelas buah sekolah menengah di dalam Daerah Hilir Perak. Selain daripada itu kajian ini juga ingin meninjau tentang faktor manakah yang paling dominan yang menyebabkan kejadian ponteng sekolah. Di samping itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti golongan manakah di antara pelajar lelaki dan perempuan yang mempunyai tendensi paling tinggi ke arah ponteng sekolah. Kajian ini juga ingin

melihat pembolehubah bebas yang manakah yang merupakan peramal terbaik terhadap gejala kejadian ponteng sekolah.

Dapatan kajian ini hanya terbatas kepada pelajar-pelajar Tingkatan **Empat** sahaja yang **mana** responden dipilih secara **rambang** dan berkelompok. Oleh yang demikian generalisasi **tentang** faktor-faktor yang mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu gejala kejadian ponteng sekolah **mungkin** tidak relevan dengan gejala ponteng sekolah di seluruh negara.

5.1 Perbincangan Dapatan Kajian

Berdasarkan Laporan Disiplin Pelajar Sekolah 1991 (Unit Disiplin, KPN. 1991) **punca** **salah** laku pelajar sekolah di seluruh Malaysia merangkumi aspek diri, keluarga, persekitaran dan sekolah. Seramai 105,265 orang pelajar telah melakukan pelanggaran disiplin berpunca daripada

faktor-faktor diri mereka sendiri. Sementara itu 14,335 pelajar pula berpunca daripada faktor keluarga, 2783 berpunca daripada faktor persekitaran dan bakinya seramai 740 berpunca daripada faktor sekolah. Bagi negeri Perak 13,935 adalah berpunca daripada faktor diri, 1,654 berpunca daripada faktor keluarga, 337 berpunca dari faktor persekitaran dan 69 kes disebabkan faktor sekolah. (lihat jadual 5.1)

Jadual 5.1 Punca Salah Laku Pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Malaysia

Punca Salahlaku	Diri	Keluarga	Persekitaran	Sekolah
Perak	13935	1654	337	69
Selangor	15944	2735	692	234
Pahang	7209	864	331	7
Kelantan	528	951	72	13
Johor	8465	2275	156	18
Kedah	7713	674	243	35
Melaka	5228	865	53	56
Negeri Sembilan	5874	397	38	
Pulau Pinang	5571	484	56	35
Perlis	1576	248	105	36
Terengganu	3917	638	81	118
Kuala Lumpur	17589	1804	450	88
Sabah	1446	225	43	4
Sarawak	5520	443	126	27
	105265	14355	2783	740

Sumber: Laporan Disiplin Pelajar Sekolah 1991, Kementerian Pendidikan Malaysia. 1991

Selain daripada itu kajian yang dibuat di peringkat nasional oleh Bahagian Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1993) juga menunjukkan punca **salah** laku di kalangan pelajar adalah disebabkan oleh faktor diri, keluarga, rakan sebaya, persekitaran dan faktor sekolah. Menurut Dewan Masyarakat (April 1 995: 11) daripada kajian yang mereka lakukan 81.03 peratus punca salahlaku adalah datangnye dari faktor diri, 13.63 peratus disebabkan faktor keluarga, 4.1 peratus dipengaruhi rakan sebaya dan 1.24 peratus berpunca daripada faktor sekolah.

5.1.2 Faktor Sekolah dan Kejadian Ponteng Sekolah

Hasil kajian daripada data yang diperolehi, didapati bahawa faktor sekolah tidak begitu mempengaruhi pelajar-pelajar Tingkatan **Empat** untuk ponteng sekolah di Daerah Hilir Perak. Jika dibandingkan dengan dapatan yang diperolehi oleh pengkaji-pengkaji lain, ia menunjukkan tidak semua pelajar mempunyai tendensi untuk ponteng sekolah

disebabkan faktor-faktor sekolah mereka. Nyata sekali pendapat Dunhill (1965), Lacey (1970), Bachman (1971), Muhammad Annuar(1976) Kajian Keciciran (1973), O'Hagen (1976) dan Raven (1977) bercanggah dengan dapatan dari responden di Daerah Hilir Perak. Umumnya pelajar-pelajar ini berpuas hati dengan keadaan sekolah mereka berdasarkan soalselidik yang merangkumi perkara-perkara seperti di bawah:

- Pentadbiran dan pengurusan sekolah
- Keadaan fizikal dan persekitaran sekolah
- Sistem kawalan dan penyeliaan
- Kegiatan ko-kurikulum
- Tumpuan terhadap peperiksaan
- Sikap guru terhadap pelajar
- Pengajaran dan pembelajaran
- Lokasi sekolah

Hubungan guru pelajar adalah merupakan faktor utama dalam suasana persekolahan. Jika hubungan yang terjalin baik dan mesra ia akan menghasilkan suasana persekolahan yang sihat. Dalam konteks kajian ini didapati hubungan guru murid adalah baik kerana tanggapan mereka terhadap guru adalah positif ini kerana berdasarkan respon mereka terhadap soalan dalam soal selidik seperti:

- Pengajaran guru menarik minat mereka untuk belajar
- Kebanyakan guru baik hati dan tidak menjatuhkan maruah
- Guru mengambil berat tentang pelajar
- Hubungan guru dengan pelajar mesra

Dapatan ini selaras dengan dapatan yang dibuat oleh Manja(1990) dan Osman (1984) yang menyatakan bahawa guru telah berjaya menanamkan nilai positif terhadap pelajarinya serta dapat menjalin hubungan mesra. Menurut Cuccia (1981) sekolah bukan sahaja tempat untuk mendapat

ilmu tetapi ia juga menjadi pusat untuk memupuk akhlak dan sahsiah yang baik.

5.1.2 Masalah Diri Pelajar Dan Kejadian Ponteng Sekolah

Dapatan ujian menunjukkan bahawa masalah diri pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejadian ponteng ($r = 0.554$ $p < 0.01$). Berdasarkan soalselidik yang dikemukakan, 15 item yang berikut adalah yang paling dominan iaitu:

- i. **Rendah** pencapaian akademik di sekolah
- ii. Tidak menggunakan masa yang secukupnya untuk **belajar**
- iii. Tidak dapat meluahkan perasaan melalui perkataan
- iv. Malu dalam mengemukakan pendapat ketika perbincangan dalam kelas
- v. Tidak dapat menumpukan perhatian terhadap

pelajaran

- vi. Tidak tahu **cara belajar** dengan berkesan
- vii. Bermasalah dalam matapelajaran Matematik
- viii. Lemah dalam penulisan
- ix. Bermasalah untuk memahami atau mencatat **nota**
- x. Lemah ingatan
- xi. Risau terhadap ujian dan peperiksaan
- xii. Risau terhadap **markah**
- xiii. Mendapat **markah** yang **rendah**
- xiv. Tidak faham sesetengah matapelajaran
- xv. Tidak **pintar**

Dapatan ini **sama** dengan pendapat **Bachman Et.al. (1971)** yang menyatakan bahawa masalah diri pelajar yang dihadapi mereka ialah masalah pembelajaran dan konsep sendiri. Menurut mereka lagi masalah paling rumit yang dihadapi oleh pelajar ialah kerumitan dalam pembelajaran, mundur dalam pencapaian akademik, dan kurang meminati kerja-kerja sekolah adalah **punca** kepada gejala ponteng.

Tyremen (1968) pula berpendapat bahawa pelajar-pelajar yang ponteng datangnya dari kumpulan yang lemah dalam Matematik. Pendapat ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Kooker (1976), Morgan (1975), Rozelle (1968) dan Sandon (1938) yang turut memberi jawapan yang sama.

Di kalangan penyelidik tempatan Ismail Saad (1977), dan Yaakub (1977) mendapati bahawa kelemahan dalam pelajaran dan kegagalan dalam ujian menyebabkan mereka ponteng. Di samping itu mereka juga bosan kerana tidak dapat mengikuti pelajaran kerana tahap pemahaman mereka rendah. Ruhiyati Idayu (1978) pula menyatakan sikap pelajar terhadap mata pelajaran serta masa depan yang tidak menentu menyebabkan mereka ponteng. Di samping itu sukatan pelajaran yang terlalu luas skopnya membuatkan mereka bosan justeru tidak dapat mengikutinya. Ini membawa kepada kejadian ponteng. Bagi S. Amin Husin (1978) pula, sikap malas, jemu, rendah diri,

tidak menyiapkan kerja rumah dan suka bertangguh merupakan pendorong utama kepada perlakuan ponteng.

Umumnya boleh dikatakan rata-rata pelajar-pelajar yang ponteng ialah pelajar yang sememangnya menghadapi masalah diri, lemah, kurang berusaha dan tidak bermotivasi walaupun guru-guru telah berusaha untuk membantu mereka. Kelemahan dalam pelajaran Matematik **sangat** ketara dan ia merupakan satu-satunya **mata** pelajaran yang menyebabkan pelajar bosan lalu membawa kepada gejala ponteng. Pelajar-pelajar ini **juga** tidak bermotivasi serta **gagal** melihat **betapa** pentingnya ilmu demi masa depan mereka.

51.3 Faktor Rakan Sebaya Dan Kejadian Ponteng Sekolah

Pengaruh rakan sebaya **juga** merupakan elemen penting dalam mempengaruhi kejadian ponteng sekolah di kalangan

pelajar-pelajar Tingkatan **Empat** di Daerah Hilir Perak. Data responden menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya dengan gejala ponteng sekolah. ($p < 0.001$). Walau kolerasinya sederhana ($r = 0.371$) tetapi faktor ini tetap merupakan **salah** satu faktor yang penting yang mendorong pelajar-pelajar untuk ponteng .

Ketika menulis artikel 'Masalah Disiplin Pelajar dan Persekitarannya' (Dewan Masyarakat, April 1995:11) Mohd Tajuddin Abdul Rahman menyatakan bahawa **aliran** konflik budaya yang diperkenalkan oleh Thorsten Sellin menegaskan satu golongan yang akan **cuba** menolak satu budaya dan **cuba** mengamalkan **norma** mereka sendiri atau mempengaruhi kelompok lain. **Aliran** ini selaras dengan faktor rakan sebaya di kalangan pelajar-pelajar yang terlibat dengan budaya ponteng dan **salah** laku. Yang dimaksudkan dengan rakan sebaya ialah mereka yang terdiri daripada beberapa orang tetapi tidak melebihi 20 orang, dalam

lingkungan umur yang tidak **banyak** berbeza jarak antara satu dengan lain, mempunyai **cita-cita**, idealisme, dan minat yang hampir **sama**. Biasanya kumpulan ini melakukan kesalahan yang **kecil** sahaja. Mereka datang daripada kelas sosial yang hampir **sama** dan sekolah serta tempat tinggal yang berdekatan (Bossard, 1971).

Pada peringkat umur inilah mereka semakin renggang pergantungan kepada ibu bapa. Lagipun mereka lebih selesa berada dalam kumpulan rakan mereka yang setara dan **mudah** menerima nasihat dan dipengaruhi oleh rakan sebaya. Hubungan dengan rakan sebaya yang **sangat** kuat pengaruhnya akan melemahkan hubungan pelajar-pelajar dengan ibu bapa kerana mereka telah mengharapkan atau bergantung kepada rakan sebaya. Keadaan ini bolehlah dikatakan **sama** dengan Teori Perhubungan Kebezaan (*Differential Association Theory*) yang menyatakan bahawa seseorang itu hanya “belajar” dan terdedah kepada nilai-nilai sikap dan kemahiran kepada **unsur** negatif, mereka akan

menggabungkan diri dan terlibat dengan perkara tersebut. Pendapat Hodges (1968) dan Second and Bachman(1974); serta Wolfgang (1977) turut menyokong teori ini dengan menyatakan bahawa faktor rakan sebaya mempunyai pengaruh yang besar terhadap perlakuan ponteng sekolah di kalangan **para** pelajar sekolah menengah.

Menurut Manja Mohd Ludin (1990) rakan sebaya merupakan elemen yang penting dalam mempengaruhi pencapaian atau perlakuan **para** pelajar. Kesan-kesan yang ditinggalkan **ada** kalanya berunsur **positif** dan tidak ketinggalan **juga** yang berunsur negatif. Untuk memastikan bahawa hanya **kesan-kesan positif** sahaja yang dihasilkan, pembentukan kelompok rakan sebaya perlulah diawasi dan diberi perhatian yang sewajarnya oleh ibu bapa dan penjaga mereka. Di **samping** itu sekolah **juga** harus memainkan peranan untuk mengatasi masalah ini.

5.1.4 Faktor Persekitaran Dan Kejadian Ponteng Sekolah

Dalam kajian ini faktor persekitaran **bermaksud sikap** pelajar terhadap iklim sekolah, aspek sosiologi, psikologi, pengangkutan dan jangkaan keluarga. Ia juga bermaksud **alam** sekeliling. Hasil dari ujian kolerasi yang dibuat menunjukkan wujud hubungan yang signifikan di antara kejadian ponteng sekolah dengan faktor persekitaran pelajar ($p < 0.05$). Ujian kolerasi menunjukkan hubungan negatif yang kukuh berdasarkan nilai r ($r=0.412$). Dapatan ini menunjukkan bahawa jika **ada** faktor persekitaran yang menarik minat pelajar mereka akan ponteng. Pendapat ini menyokong pendapat yang diberikan oleh Jaafar (1977). Dalam kajiannya Jaafar(1977) mendapati bahawa **pada** hari pelajar-pelajar terdedah kepada faktor-faktor persekitaran yang lebih menarik daripada **apa** yang **ada** di sekolah **serta ada** ruang untuk mereka meninggalkan sekolah mereka akan melakukan ponteng. Selain itu **ada juga** guru-guru yang tidak bersimpati terhadap pelajar-pelajar yang lemah.

Ini menyebabkan mereka merasa **rendah** diri dan terus ponteng sekolah kerana beranggapan bahawa guru-guru tidak menyukai mereka ataupun guru tidak **memperdulikan** mereka. Ini akan melemahkan **lagi** semangat mereka.

Bagi Ruhiyati Idayu (1978) pula, persekitaran bermaksud keadaan sekeliling yang boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang. Menurutnya **lagi** urbanisasi **banyak** membawa gejala-gejala negatif yang mendorong pelajar untuk ponteng sekolah. Persekitaran pula mempengaruhi jiwa pelajar-pelajar yang masih mentah untuk melakukan perkara-perkara **yang** bertentangan dengan **norma-norma** masyarakat. Terdapat **juga** faktor-faktor lain yang boleh dikategorikan dalam persekitaran yang mendorong pelajar-pelajar ponteng sekolah. S. **Amin** Husin (1978) menyenaraikan beberapa faktor yang mempengaruhi perlakuan ponteng iaitu sengaja tidak mahu datang ke sekolah, susah mendapatkan kenderaan awam, **benci**

kepada guru yang suka berleter, keruntuhan **rumah** tangga, jemu dan disiplin yang **terlalu** ketat di sekolah dan di **rumah**.

Dapatan ini **juga** menyokong pendapat penyelidik-penyelidik di luar negara seperti **O'Hagen** (1976) yang mendapati bahawa pelajar-pelajar yang terlibat dengan gejala ponteng sekolah tidak berminat dengan sekolah dan **benci** kepada sekolah. Pendapat ini turut disokong oleh **Raven** (1977) yang menyatakan bahawa **para** pelajar cenderung untuk ponteng sekolah kerana kebencian mereka untuk ke sekolah disebabkan kebanyakan **mata** pelajaran yang diajar membosankan dan tidak relevan dengan minat mereka. Mereka **juga** menggunakan **alasan** yang guru-guru tidak begitu bersungguh-sungguh untuk menarik minat mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka terus **hilang** minat untuk **belajar** dan ini menjadi satu faktor untuk mereka ponteng sekolah. Pendapat **Maslow** dan **Rodger** (1974) **juga** mempunyai persamaan dengan pendapat-pendapat yang di atas. Bagi **Gragery** (1970), **Boyson** (1973) dan **Gordon**

(1974) pula, kejadian ponteng dan **salah** laku pelajar-pelajar adalah disebabkan oleh persekitaran persekolahan yang agak ketat kawalannya **serta** terlalu mengongkong pelajar-pelajar.

Jika kita meneliti teori Ketidakaturan Sosial (*Social Disorganization*) yang dipelopori oleh Florian Zannieki dan Warren Durham yang dipetik dari Majalah **Dewan Masyarakat** (April, 1995:11) ia menyatakan bahawa sebarang perubahan dalam masyarakat seperti proses migrasi, perindustrian dan urbanisasi adalah merupakan **punca** kepada sebarang penyimpangan atau perlakuan devians. Ini kerana institusi masyarakat berpecah, kurang stabil dan kawalan sosial pula tidak berfungsi. Pendapat ini turut dikongsi bersama oleh Ruhiyati Idayu (1978). Kata mereka **lagi** implikasinya ialah individu tidak dapat mengawal tingkah laku dan interaksinya dengan individu-individu yang lain.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Unit Disiplin Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan **Malaysia(1993)**, kejadian ponteng dan **salah** laku lain berpunca daripada beberapa faktor seperti yang dinyatakan di bawah.

Antaranya ialah:

- i. Tumpuan dan tekanan berlebihan terhadap peperiksaan.
- ii. Sistem kawalan dan penyeliaan yang kurang berkesan.
- iii. Lokasi sekolah di dalam bandar yang terlalu dekat dengan **pusat** hiburan, **pusat** membeli-belah, pasaraya.
- iv. Lokasi sekolah yang terlalu terpencil.
- v. Perlaksanaan aktiviti ko-kurikulum **yang** tidak sempurna dan tidak teratur.

Oleh yang demikian dapatlah dirumuskan bahawa faktor-faktor persekitaran secara tidak **langsung** telah merangkumi beberapa faktor lain seperti masalah sekolah, masalah diri

pelajar, faktor pengaruh rakan sebaya, keluarga dan **lain-lain lagi**. Selaras dengan dapatan-dapatan yang diperolehi oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini memang terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala kejadian ponteng sekolah dengan faktor persekitaran.

5.2 Peramal Terbaik Kejadian Ponteng Sekolah

Daripada kesemua pembolehubah bebas, faktor masalah diri pelajar merupakan peramal terbaik yang menyebabkan gejala kejadian ponteng sekolah ($\beta = -.287$, $p < 0.01$). Seperti yang telah dinyatakan sebelum **ini** faktor masalah diri pelajar merangkumi pelbagai perkara. Daripada masalah sosial, ekonomi, pengaruh rakan sebaya, masalah dengan keluarga dan ibu bapa, masalah dengan guru serta masalah pencapaian akademik semuanya menjadi penyumbang kepada tendensi untuk ponteng sekolah. Dapatan daripada kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji sebelum **ini seperti Bachman (1971), Tyreman (1968), Kooker (1976), Morgan**

(1975 dan Rozelle (1978) telah membuktikan bahawa pembolehubah ini iaitu faktor masalah din memanglah merupakan peramal terbaik terhadap kejadian ponteng sekolah.

Faktor keluarga seperti keupayaan ibu bapa menyalurkan kasih sayang, prihatin dan bersifat adil akan melahirkan individu yang progresif, dan berani menghadapi cabaran. Tanpa iltizam ibu bapa akan mewujudkan gejala-gejala sosial yang akhirnya akan membawa pelbagai masalah kepada individu **tersebut** justeru menyebabkan mereka rasa malas untuk ke sekolah.

5.3 Implikasi dan saranan

Pada keseluruhannya mereka yang terlibat secara **langsung** dengan pentadbiran sekolah berpendapat bahawa gejala ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah **sama ada** di bandar ataupun di luar bandar

adalah merupakan masalah utama dan pokok. Menurut mereka gejala ini sukar diatasi kerana kewujudannya seumur dengan kewujudan institusi itu sendiri. Apa yang dapat dilakukan ialah sekadar berusaha untuk mengurangkannya atau sekurang-kurangnya mengawal daripada terus merebak.

Dalam menangani masalah ini, pihak sekolah selalunya akan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia seperti yang terdapat dalam panduan untuk mengatasi masalah ponteng.

53.1 Implikasi Ponteng Sekolah

Walaupun jika dilihat dari segi peratusannya berdasarkan perangkaan 1995 (Berita Harian 24 Ogos, 1995) tidaklah begitu besar jika dibandingkan dengan jumlah semua peiajar sekolah di seluruh Malaysia. Tetapi angka 1.3% - 1.4% ini amat membimbangkan jika dilihat pada jumlah pelajar.

“Kementerian tetap memandang serious” kata Datuk Najib Tun Razak, Menteri Pendidikan Malaysia. (B.H. 24 Ogos 1995) dan menurutnya **lagi** kementeriannya akan mencari **jalan** untuk mengatasi gejala ini.

Mungkin pada pandangan umum **ia** tidak begitu serius tetapi **ia** tetap menimbulkan implikasi yang negatif terhadap pihak keluarga, sekolah, masyarakat dan negara apatah **lagi** kepada diri pelajar itu sendiri. Gejala ini merupakan satu fenomena yang **rumit** dan tidak dapat diselesaikan dalam jangka waktu yang singkat. Usaha yang persepadu dan berterusan **amat** diperlukan.

5.3.2 Implikasi kepada Diri Pelajar

Dari segi personaliti, pelajar yang ponteng sekolah akan **hilang** sifat bertanggung jawab, sebaliknya akan membentuk sifat memberontak, berpura-pura, dan berdolak dalik. Selain itu jiwa mereka akan menjadi lemah. Fikiran tidak tenteram,

angkuh, ego dan tidak mengakui kelemahan diri. Mereka **juga** adalah tergolong di dalam golongan yang tidak mempunyai cita-cita, tiada wawasan dan **hilang** imej diri.

Dari segi akademik pula pelajar ini akan ketinggalan dalam pelajaran dan tidak memahami **apa-apa** yang telah diajar, pencapaian akademik akan **menurun** dan **lama** kelamaan timbul rasa **benci** untuk **belajar**. Implikasinya ialah mereka akan menjadi pelajar yang cicir lalu terlibat dengan aktiviti sosial yang tidak sihat seperti vandalisme atau lakumusunah dan **dadah**.

53.3 implikasi Kepada Keluarga

Apa yang diharapkan oleh ibu bapa dalam sesebuah keluarga ialah melahirkan anak-anak yang berjaya dalam **hidup** **serta** menaruh harapan dan cita-cita yang tinggi terhadap mereka. Mereka akan merasa kecewa dan **putus asa**. Segala pengorbanan mereka menjadi sia-sia belaka

jika anak mereka yang diharap-harapkan terlibat dengan gejala yang tidak sihat seperti ponteng sekolah. Harapan mereka akan musnah dan hubungan kasih sayang antara keluarga akan menjadi renggang. Selain itu kepercayaan keluarga terhadap pelajar berkenaan akan **hilang**, di sebaliknya akan timbul syak wasangka di antara mereka. Yang lebih buruk **lagi** ialah nama baik keluarga akan terjejas akibat perlakuan anak-anak yang sering ponteng sekolah dan sudah tentu kredibiliti ibu bapa akan menjadi tanda tanya.

5.3.4 Implikasi Kepada Sekolah

Perlakuan ponteng sekolah di kalangan pelajar turut menjejaskan imej dan kewibawaan sekolah dan jentera pentadbirannya. Masyarakat akan **hilang** keyakinan terhadap sekolah yang mempunyai rekod ponteng yang tinggi. Implikasinya ialah sekolah-sekolah yang sedemikian akan menjadi **alternatif** terakhir **bagi** ibu bapa untuk

menghantar anak-anak mereka. Di **samping** itu akan timbul pengkelasan secara tidak **langsung** yang dibuat oleh masyarakat seperti sekolah baik, sekolah teruk, sekolah budak jahat dan seumpamanya.

Selain daripada mendapat cemuhan masyarakat, pengurusan sekolah secara amnya akan terganggu kerana **banyak** masa yang akan digunakan untuk menangani masalah ini. Jika keadaan semakin menjadi serius pihak pengurusan sekolah **juga** akan menghadapi tekanan daripada pihak atasan seperti Pegawai Pendidikan Daerah dan seterusnya daripada pihak berwajib di Jabatan Pendidikan Negeri.

5.3.5 Implikasi Kepada Masyarakat Dan Negara

Di dalam era teknologi maklumat dan ketika kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan Wawasan 2020, kewujudan golongan pelajar

yang bermasalah ini sudah tentu akan membantutkan usaha kerajaan ke arah itu. Pelajar adalah **aset** negara kerana mereka adalah generasi penentu kepada kejayaan negara di masa hadapan. Pelajar yang **cacat** disiplin ini sudah tentu akan merugikan **bangsa** dan negara kerana pelajar tercicir seperti inilah yang akan menimbulkan masalah sosial kepada masyarakat dan negara justeru akan mengganggu gugat pertumbuhan negara.

5.4 Saranan

5.4.1 Saranan kepada penentu polisi dan **badan-badan** yang relevan

Kepada pihak pentadbir sekolah, langkah-langkah berikut disaran agar **ia** dapat membantu mengurangkan gejala ponteng seperti:

1. Surat amaran berperingkat hendaklah kerap dikeluarkan kepada ibu bapa agar mereka sentiasa diberitahu **tentang** kegiatan anak-anak mereka agar **ia** dapat diawasi.

2. Peranan guru-guru kaunseling harus dipertingkatkan **lagi** bukan setakat kaunseling kelompok sahaja tetapi mewujudkan:
 - . Sistem mentor-mentee iaitu guru menjadi ibu bapa angkat di sekolah
 - Kern kaunseling
 - Ceramah dan motivasi.
3. Rekod banci ponteng sekolah hendaklah dikemaskini setiap hari.
4. Konsep sekolah penyayang
5. **Kempen** meningkatkan kehadiran ke sekolah harus diadakan setiap bulan.
6. Satu **lagi** perkara yang boleh dilaksanakan ialah mewujudkan kerjasama **guru/polis** dalam menangani masalah **ini** iaitu dengan mewujudkan unit khas polis dalam membenteras kejadian ponteng.
7. Guru menjadi lebih kreatif dan inovatif untuk menarik minat pelajar.

8. Fizikal sekolah perlu lebih menarik dan **ceria** agar pelajar berasa seronok untuk datang kesekolah.

5.4.2 Peranan Ibu bapa

1. Mempunyai sikap yang **positif** terhadap aspek pendidikan anak-anak.
2. Bekerjasama dengan guru bukan hanya menghentam dan menyelar sekolah tetapi menyokong segala aktiviti PIBG.
3. Meluangkan lebih **banyak** masa bersama dengan **anak-anak**.
4. Mengawasi rakan yang digaulinya.
5. Menyemak kerja **rumah** dan **memberi** keyakinan kepada mereka serta menyediakan keperluan **asas** mereka.

54.3 Peranan Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan

1. Sentiasa memperbaharui rekod ponteng.

2. Menggubal semula penerbitan-penerbitan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dikemaskinikan antaranya ialah:
 - a. Buku panduan Am Disiplin Sekolah.
 - b. Buku Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru (1988).
 - c. Buku panduan **Bagi** ibu Bapa Mengenai Disiplin **Murid-Murid** Sekolah (1982).
3. Mewujudkan persefahaman dan kerjasama erat di antara **PK/JPN/PPD** dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Polis dan Majlis Agama Islam agar dapat membantu mempertingkatkan disiplin pelajar seterusnya membentaras kegiatan ponteng sekolah.
4. Mengadakan kerjasama dengan media elektronik untuk menganjurkan forum melalui **“Talk Show”** di televisyen ataupun radio **juga** media cetak untuk membicarakan **isu-isu** penting **tentang** disiplin dan **salah** laku serta **cara** mengatasinya

5. Menggunakan kaedah eksperimental dengan membandingkan dua kumpulan pelajar iaitu:

- Pelajar ponteng yang tidak menerima olahan (treatment).
- Kumpulan Pelajar yang ponteng tetapi menerima olahan.

6. Menggunakan kaedah kualitatif melalui pengamatan **corak** kehidupan keluarga pelajar-pelajar ponteng **bagi** sesebuah sekolah serta menjalankan kajian secara berterusan untuk satu jangka waktu yang **lama** seperti satu semester ataupun satu tahun untuk menganalisis faktor-faktor tertentu yang menyebabkan pelajar-pelajar ponteng.

5.5 Cadangan untuk Kajian akan datang

Kepada sesiapa yang berminat untuk meneruskan kajian ini, adalah disarankan agar skop kajian ini diperluaskan **lagi** iaitu mengadakan kajian komparatif seperti membandingkan

faktor-faktor perlakuan ponteng di kalangan pelajar-pelajar yang tinggal di bandar-bandar besar dan bandaraya dengan pelajar-pelajar di sekolah luar bandar.

5.4 Kesimpulan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat perhubungan di antara faktor-faktor seperti sekolah, rakan sebaya, persekitaran dan masalah peribadi dengan kejadian ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan **Empat** di **enam** belas buah sekolah menengah di sekitar Daerah Hilir Perak. Selain dari itu kajian ini **juga ingin** meninjau **tentang** faktor manakah yang paling dominan yang menyebabkan kejadian ponteng sekolah. Di **samping** itu kajian ini **juga** bertujuan untuk mengenal **pasti** golongan manakah di antara pelajar lelaki dan perempuan, yang mempunyai tendensi paling tinggi ke arah ponteng sekolah. Kajian ini **juga ingin** melihat pembolehubah bebas yang manakah yang merupakan peramal terbaik terhadap gejala kejadian ponteng sekolah.

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan telah dapat dirumuskan dalam kesimpulan yang berikut:

- Faktor sekolah tidak mempengaruhi keinginan pelajar untuk ponteng sekolah kerana hanya kes-kes **terpencil** sahaja yang menyebabkan pelajar ponteng dengan **alasan** mereka bencikan sekolah mereka.
- Faktor diri pelajar seperti lemah dalam pelajaran tertentu seperti Matematik, bidang-bidang lain yang terlibat dengan akademik dan bidang sahsiah adalah merupakan faktor utama kenapa pelajar-pelajar ponteng sekolah.
- Faktor rakan sebaya juga merupakan **salah** satu penyebab utama pelajar-pelajar ponteng. Dalam kajian ini didapati pengaruh rakan sebaya begitu kuat untuk mendorong pelajar ponteng. Ini disokong pula .

- Keadaan persekitaran **juga** merupakan **salah** satu faktor dominan yang mendorong pelajar-pelajar ponteng. Kewujudan tempat-tempat hiburan, **taman** rekreasi dan paling akhir ini ialah wujudnya '*Cyber Café*' yang mengalakkan pelajar-pelajar melakukan *cyber lepak* melalui internet. Pelajar-pelajar ini menghabiskan **banyak** masa di **laman** web untuk berbual dengan **kenalan-kenalan** internet.

- Wujudnya perbezaan tendensi untuk ponteng sekolah di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Kajian ini mendapati pelajar perempuan kurang bermasalah dan jika **ada** kes pontengpun **ia** hanya melibatkan beberapa orang pelajar wanita sahaja dan ianya masih boleh dikawal.

- Faktor masalah diri telah pilih sebagai peramal terbaik (Best Predictor) di kalangan **keempat-empat** pemboleh ubah bebas.

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam dunia pendidikan menangani masalah ponteng yang begitu menular di kalangan pelajar terutamanya pelajar sekolah menengah. Sebelum penyakit ini merebak menjadi **barah** yang **parah** adalah lebih baik langkah-langkah yang wajar seperti yang disarankan di dalam kajian ini dipertimbangkan dan diambil kira. Jika tidak akan menjadi sia-sialah **kempen** “zero Defect” yang merupakan agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia menjelang terlaksananya Wawasan 2020.

BIBLIOGRAFI

A.S. Homby, (1974), Oxford Advanced Learner's Dictionary Of Current English, Oxford University Press.

Amdun Husain, **Azizah** Tajudin & Satmah **Jabbar** (1989)
Kamus **Pelajar** Bahasa Malaysia, DPB Kuata Lumpur.

Bayson, R. Order and Purpose, In Barry Turner, ed. (1973)
Dicipline In School, London Word Lock International.

Botrie, Maureen and Pat Wenger, **Teachers and Parents Together**, Ontario: Pembroke Publisher Ltd. 1992

Box Steven, **Deviance Reality and Society**, Great Britain: Cassetl. 1986

Chng Chwee Lye, "**The School and Delinquency**", Masatah Pendidikan Vol. 6. Kuata Lumpur: Unversiti Malaya, 1976

Cole, Stephen, **The Sociological Orientation**, Chicago: Rand McNally college Pub. Co. 1965

Cooper. Michael, "**A Model of Persistent School Absenteeism**", Educational Research Journal **Vol.28**, England: **NFER**, Nelson. 1986

Critical Perspective on the Organization and Improvement of Schooling (Ed.) Kenneth A. Sirintik and Jeannie Oakes, Lancaster: **Kluwer** Nijhodd Pub., 1986

Cullingford Cedric, **"School Rules and Childrens" Attitudes to Discipline**", Educational Research Journal, Vol. 30 London: NFER, Nelson 1988

Dato' Haji **Ahmad** Haji Salleh, **Disiplin Sekolah: Satu Peninjauan**, Kertas kerja dalam Persidangan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia, 1988.

Dato' Musa **Hitam**, **"Disiplin di Sekolah-Sekolah", Suara Pendidik, Vol.5**, Shah **Alam**: Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia, 1978

David Berry, **Idea-idea Utama Dalam Sosiologi – Suatu Pengenalan**. Tejemahan Rahimah Abdul **Aziz**, Kuala Lumpur: **Dewan** Bahasa Dan Pustaka. 1993.

De Roche, **Edward F. How School Administrators Solve Problems**, New Jersey, Prentice Hall. Inc. 1985.

Developing Quality Schools, Edited by **Jardine**, Colin Bayne and Peter Holly, **Wachington**: The Falmer Press, 1986

Doob, Christopher **Bates, Sociology: An Introduction**,
USA: Harcourt Brace Jovanovich **Inc.** 1991

Docking, J.W. **Control and Discipline In School:
Perspectives and Approaches**, London: Harpers and
Row Pub. 1987

Encyclopaedia of Psychology, Vol.1 Edited by J. Corsin,
Raymond New York: Wiley and Son, 1994

Evers, Colin W., and Lakomski Gabriele, **Knowing
Educational Administration**, Toronto: Pergamon
Press, 1991

Fatimah Daud, **Pengenalan Teori-teori Sosiologi**, Kuala
Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1992

Ferrante Joan, **Sociology, A Global Perspective**,
California: Wadsworth Publishing Company, 1992

G. Cooper, **Margery**, “ **School Refusal**”, Educational
Research, **Vol.8**, London: Newness Educational
Publishing Co. Ltd. 1966

G. Litch, Tracy **Gard** and Chet Guardine, “**Modifying
School Attendance of Special Education High
School Student**”, The Journal of Educational
Research, **Vol.84**, Washington D.C.: **Heldref**
Publication. 1991

Hammerlesly, Martyn and Wood Peter, Life **In School – The Sociology of Pupils Culture**, England: Open University Press, 1984

Hazil Abdul Hamid, **Sosiologi Pendidikan: Dalam Perspektif Pembangunan Negara**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990

Hibbett, Angelika, Ken Fogelman, and Orly Manor, **“Occupational Outcomes of Truancy”**, British Journal of Educational Psychology, Vol. 60, United Kingdom: NFER, 1990

Hussein Mahmood, **“Masalah Disiplin dan Cara-cara Penyelesaiannya,”** Jumal PKPSM, 85-86, Seremban: Percetakan Chang Litho Sdn. Bhd., 1986

Hussien Hj. Ahmad, **Pendidikan dan Masyarakat**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1993

Ibrahim Saad, **Isu Pendidikan Malaysia**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986

Ismail Shamsuddin Jusoh, **Pelajar-Pelajar Ponteng: Satu Kajian Kes**, Latihan Ilmiah Sarjana Pendidikan, sUniversiti Malaya, 1990

Ismail Yusof, **Disiplin di Sekolah- Ponteng Sekolah**, Laporan Persidangan Nasional Mengenai Kaum

Remaja di Malaysia, Kuala Lumpur: **Dewan** Bahasa dan Pustaka, 1982

Jagdish Raj Shatma, **“Peranan Ibu Bapa: Perspektif yang terabai?”**, **Masalah Pendidikan**, Kuala Lumpur: Universiti Malaysia, 1985

Jaafar Abdul Rahim, **“Seriuskah Masalah Ponteng Sekolah”**, dalam Ibrahim Saad, **Isu Pendidikan di Malaysia**, Kuala Lumpur: **Dewan** Bahasa dan Pustaka, 1982

Jamli Mohamat, **Ponteng Sekolah dan Hubungannya dengan Persekolahan: Satu Kajian Kes**, Latihan Ilmiah **Ijazah Bacelor** Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, 198511986

Jardine, Collin Bayne and Peter Holly, **Developing Quality School**. Washington: The Palmer Press, 1994

Jawatan Kuasa Khas, **Panduan Bagi Ibu Bapa Mengenai Disiplin Murid-Murid Sekolah**, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1982

Jemaah **Nazir** Sekolah Persekutuan, **Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah**, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993

K. Cohen, Albert, **Deviance and Control**, New Jersey: Prentice Hall, 1966

Kamaruddin Haji Kachar, **Strategi Pentadbiran Pendidikan**, Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
1989

Kenneth A. Sorotnik and Oakes Jennie, **Critical Perspective On The Organization and Improvement of Schooling, Lanchaster**: Kluwer Nijhoff Publishing,
1996

Kent, Graeme, **The Modern Primary School Headmaster**, London: Kogan Page, 1989

Laporan Disiplin Pelajar Sekolah, 1988, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. 1988

Laporan Disiplin Pelajar Sekolah, 1989, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. 1989

L. Duke, **Daniel** and Candy, Robert Lynn, **School Policy**: McGraw Hill, Inc. 1991

Lewin, **Ramon**, **The Discipline Dilemma**, Australia: ACER, 1991

M. Short Paula, Rick. J Short and **Charly** Blanton, **Rethinking Student Discipline, USA**: Crowin Press Inc. 1994

Malek Murad, **"Krisis Disiplin di Kalangan Penuntut Sekolah"**, Dalam Ibrahim Saad, Isu Pendidikan di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1929

Management of Behavior in School, Edited by Ved P. Varma, London: and New York: **Longman**, 1993

Manja Mohd Ludin, **Psikologi Sosiologi dan Falsafah dalam Pendidikan**, Kuala Lumpur: **Dewan Bahasa dan Pustaka**, 1990

Manjula Bhagi dan Sunita Sharma, **Encyclopaedic Dictionary of Psychology**, Vol. 1, India: Anmol Publication, 1992

Merton, Robert K., (Ed), **Sociology Today**, New York: **Herper Torchbook**, 1959

Mohd Tajudin Bin Haji Abdul Rahman, **Omar Mohd Hashim Pengisian Misi Pendidikan**, Kuala Lumpur, **Dewan Bahasa Dan Pustaka**, 1991

"Masalah Disiplin Pelajat dan Penyelesaiannya", **Dewan Masyarakat**, Kuala Lumpur: **Dewan Bahasa dan Pustaka**, April, 1995

"Salah Iaku, Penyelesaian bagaimana?", **Dewan masyarakat**, Kuala Lumpur: **Dewan Bahasa Dan Pustaka**, **Mei**, 1995

Mohd **Noor Long**, **"Mengapa Disiplin di Sekolah Merosot?"**, dalam Ibrahim Saad, Isu Pendidikan Di Malaysia, Kuala Lumpur: **Dewan bahasa Dan Pustaka**, 1995

Musgrove, Frank, **The Family, Education and Society**, London: Routledge and Keegan Paul, 1966

Noorma Yusoff, **"Disiplin Sekolah"**, Wawasan Semasa, **Kuala Lumpur**: Percetakan **Hj. Jantan**, Sdn. Bhd. 1994

Osman Don, **Persekolahan dan Ilubungannya dengan Kegiatan Ponteng, Bangi**, jabatan Sosiologi UKM, 1984

Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988

Pengarah Pelajaran **Selangor/Wilayah Persekutuan**, **Masalah Kedatangan Murid-Murid di Sekolah Menengah**, Kertas Kerja Jabatan Pelajaran **Selangor/Wilayah Persekutuan**, Julai 1974

Persatuan Pendidikan Malaysia, **Disiplin Dalam Pendidikan**, Kuala Lumpur **Nurin Enterprise**, 1991

Poloma, Margeret M, Sociologi Kontemporari, Jakarta: CV Rajawali, 1987

Roger Hill, **You Know The Fair Rule**, Australia: **Acer**. 1990

Rostow, W.W. **The Stages of Economic Growth**, New York: **Cambrige** University Press, 1990

Ru hiyati Iday u, **"Ponteng dan Permasalahannya"**, dalam tbdahim Saad, **Isu Pendidikan Di Malaysia**, Kuala Lumpur: **Dewan Bahasa Dan Pustaka**. 1986

S. A. **Amin Husin**, **"Ponteng Sekolah"**, Suara Pendidik, Jilid 5, Shah **Alam**: Persatuan Pelajar Malaysia, 197

Sociology Today – Problems and Prospects, Edited by Robert K. Merton, Leornard Broom and Leomard S. **Cottrell**, Junior, New York: Harper and Row Publisher, 1959

Suhaina Mohd Ludin, **Faktor-Faktor Yang Berkaitan Dengan Suasana Sekolah Yang Mempengaruhi Perlakuan Ponteng Sekolah Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes.** Latihan Ilmiah Ijazah **Bachelor Pendidikan**, Universiti Pertanian Malaysia, 1987/1988

Suid Hanapi, **“Perubahan Sikap Ibu Bapa Perlu dalam Meningkatkan Disiplin Pelajar di Sekolah”**, Jurnal Pendidikan Jilid 33, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989

T. Manmutu, **Pengenalan Sosiologi Pendidikan**, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1990

Tennent, T.G. **“School Non-Attendance and Delinquency”**, Educational Research, Vol. 93 England: NFER- Nelson, 1971

Thio, Alex, **Sociology: An Introduction.**, New York : Harper and Roco Publisher, 1986

Ting Chew Peh, **Konsep Asas Sosiologi**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983

Tyerman, M. J., A Research into Truancy, British Journal of Educational Psychology, 1958

Unit Disiplin Bahagian Sekolah-Sekolah, **Ke Arah Pengurangan Pelajar Ponteng Sekolah**, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994

Wan Ahmad Nasir Hassan, **“Pentadbiran/Pengurusan Sekolah ke Arah Peningkatan Disiplin Sekolah”**, Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia, Jilid 29, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1985

Yaakub Hj. Yusoff, Satu Perbandingan Mengenai **Nilai-nilai** di **Antara Ibu Bapa Murid-muridd** Yang **Ponteng Sekolah** dengan **Ibu Bapa Yang Tidak Ponteng**, Latihan Ilmiah Sarjana pendidikan, Universiti Malaya. 1977

1	2	3

SOAL SELIDIK BAGI PELAJAR

Sila jawab soalan-soalan berikut dengan jujur. Jawapan-jawapan akan digunakan untuk kajian semata-mata. Semua butiran serta maklumat yang anda berikan dianggap **SULIT**. Oleh itu anda tidak perlu bimbang untuk memberikan maklumat dan **butir-butir yang sebenar dan** tepaf **tentang diri anda dan pendapat tentang diri seseorang**. Kerja sama anda dalam hal ini sangat-sangat diharapkan dan kejujuran anda menjawab soal selidik ini terlebih dahulu diucapkan berbanyak terima kasih.

BAHAGIAN A: (Maklumat Peribadi)

Anda diminta mengisi nombor maklumat latar belakang diri anda di tempat kosong yang disediakan.

1. Jantina

- | | |
|--------------|-------|
| 1. Lelaki | 4 |
| 2. Perempuan | [] |

2. Tingkatan

- | | |
|--------------------|-------|
| 1. Tingkatan Dua | 5 |
| 2. Tingkatan Empat | [] |

3. Jurusan / aliran (Pelajar Tingkatan Empat)

- | | |
|------------------------|-------|
| 1. Sastera | |
| 2. Sains | |
| 3. Perdagangan | 6 |
| 4. Vokasional / Teknik | [] |

4. Cara datang ke sekolah

- | | |
|-------------------|-------|
| 1. Berjalan kaki | |
| 2. Berbasikal | |
| 3. Bermotosikal | |
| 4. Menaiki bas | 7 |
| 5. Menaiki kereta | [] |

5. Menerima biasiswa / dermasiswa

1. Biasiswa Kecil Persekutuan
2. Negeri
3. RISDA
4. Polis I tentera
5. Biasiswa I ciermasiswa lain

a
[3]

6. Tempat kediaman

1. Rumah ibu bapa
2. Rumah ibu
3. Rumah bapa
4. Rumah ibu/bapa tiri
5. Rumah penjaga
6. Asrama

9
[]

7. Pendapatan bapa I penjaga sebulan

1. Kurang RM 350.00
2. RM 351.00 - RM 700.00
3. RM 701 .00 - Rm1.000.00
4. RM 1,000.00 ke atas

10
[]

8. Pendapatan ibu sebulan

1. Kurang RM 350.00
2. RM 351 .00 - RM 700.00
3. RM 701.00 - RM 1.000.00
4. RM 1,000.00 ke atas

11
[]

9. Pendidikan tertinggi bapa / penjaga

1. Tidak bersekolah
2. Sekolah Rendah
3. Sekolah Menengah
4. Makiab / Diploma / Universiti

12
i 3

10. Pendidikan tertinggi ibu

1. Tidak bersekolah
2. Sekolah Rendah
3. Sekolah Menengah
4. Maktab I Diploma / Universiti

13
[]


BAHAGIAN B: (Soal selidik untuk pelajar)

Bagi menjawab soalan-soalan berikut, anda dikehendaki menandakan (X) pada-ruangan 'YA' ATAU 'TIDAK' yang disediakan di hujung tiap-tiap soalan. Jawapan yang anda pilih hendaklah betul-betul bertepatan dengan apa yang anda fikirkan sebenarnya. bukan apa yang sepatunya. **Jawapan hendaklah diberi dengan jujur dan ikhlas.** Anda diberi masa 30 minit untuk menjawab soal selidik ini

BIL	KENYATAAN	YA	TIDAK
01	Pengajaran guru di dalam kelas tidak menarik minat		
02	Tugasan yang diberikan oleh guru terlalu banyak dan sukar		
03	Undang-undang dan peraturan sekolah terlalu ketat		
04	Guru disiplin terlalu bengis dan garang		
05	Suassna pembelajaran di sekolah amat membosankan		
06	Ada beberapa subjek yang tidak diminati		
07	Guru-guru tidak mengambil berat terhadap masalah saya		
08	Suasana bilik darjah tidak tenteram dan tidak terkawal		
09	Perhubungan antara guru-murid tidak mesra		
10	Makanan di kantin sekolah terlalu mahal		
11	Perjalanan ke sekolah amat sukar		
12	Jadual perjalanan bas yang tidak menentu		
13	Rancangan TV yang menarik mendorong saya tidak bersekolah		
14	Masyarakat tidak ambil peduli jika saya tidak bersekolah		
15	Tiada tempat belajar yang sesuai di rumah		
16	Tiada masa yang cukup untuk mengulangkaji di rumah		
17	Ahli keluarga meminta bantuan di rumah/kebun/kedai dll		
18	Terdapat tempat-tempat menarik di sekitar tempat tinggal		

BIL	KENYATAAN	YA	TIDAK
19	Pekan sehari / Pasar minggu berdekatan dengan rumah		
20	Ahli kumpulan memerlukan bantuan di waktu persekolahan		
21	Rakan sebaya sering mempengaruhi supaya tidak bersekoiah		
22	Berasa lebih selesa jika bersama kawan-kawan		
23	Takut diperasugut oleh kawan-kawan di sekolah		
24	Takut diganggu oleh kawan-kawan di sekolah		
25	Sering diejek oleh kawan-kawan di sekolah		
26	Terikut-ikut dengan kawan yang sering tidak bersekolah		
27	Kawan di sekolah tidak memahami perasaan saya		
28	Dianggap tidak 'sporting' jika tidak mengikut kehendak kawan		
29	Kawan-kawan sering membuat temu-janji di luar sekolah		
30	Kawan dapat melegakan perasaan runsing atau susah hati		
31	Mempunyai masalah kesihatan/kesihatan sering terganggu		
32	Sukar untuk menyesuaikan diri di sekolah		
33	Sukar untuk belajar di sekolah		
34	Kurang terlibat dalam aktiviti-aktiviti di sekolah		
35	Ingin membeli sendiri barang-barang yang diperlukan		
36	Terlalu banyak memikirkan soal percintaan		
37	Menjauhkan diri dari orang yang tidak disukai		
38	Tidak yakin pada diri sendiri		
39	Risau terhadap ujian/peperiksaan		
40	Kurang bersemangat untuk bersekolah		

'4 15
[] []



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

INSTITUT TEKNOLOGI MAKLUMAT

160, UTAMAS, GOR. MAL (205) FELD 1 64 9 4 641

Sekolah Siswazah

UUM/SS/T- 1 3 Jld. 3

15 September 1997

Dr. Wan Rozaini bt. Sheik Osman
Sekolah Teknologi Maklumat
Universiti Utara Malaysia

Tuan/puan,

PERLANTIKAN SEBAGAI PENYELIA KERTAS PROJEK

Dengan hormat, dimaklumkan bahawa Sekolah Siswazah ingin melantik tuan/puan sebagai penyelia kertas projek seperti di Lampiran.

Sehubungan dengan itu bersama ini disertakan borang jawapan penerimaan dan sekiranya terdapat perubahan tajuk projek, diminta hubungi kami SEGERA.

Di atas bantuan dan kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah,

(PROF. MADYA DR. IBRAHIM ABDUL HAMID)
Dekan

s.k. • Pelajar



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN
PENYELIDIKAN PENDIDIKAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
PARAS 2, 3 DAN 5, BLOK J,
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50604 KUALA LUMPUR

Telefon: 2556900
Kawar: "PENDIDIKAN"
Faks: 03-2554960

Ruj. Tuan: KP (PPP)13/15
Ruj. Kami: Jld. 48 (621)
Tarikh: 11 Ogos 1997.

En. Mat Kilau bin Idris,
No. 17 Perumahan Awam,
36700 Langkap,
Perak.

Tuan.

**Kehenaran Bagi Menjalankan Kajian Ke Sekolah-Sekolah,
Jabatan- Jabatan Dan Institusi-Institusi Di Bawah
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Adalah saya diarah untuk memaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian mengenai

**"Kuasa Merotan Dapat Meningkatkan Prestasi Disiplin Di Kalangan
Pelajar Sek.Men. Daerah Hilir Perak".**

diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada hanya apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang puan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian uerlu diperolehi dariuada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri vane berkenaan.**

3. Tuan juga dikehendaki menghantar senaskhah hasil kajian tuan ke Bahagian ini sebaik sahaja selesai kelak.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" CINTAILAH BAHASA KITA "

Saya yang menurut perintah,

(DR. ABD. KARIM B. MD. NOR)

b.p. Pengarah Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan.

b.p. Pendaftar Besar Sekolah-Sekolah dan Guru-Guru.

Kementerian Pendidikan Malaysia.

KP (PPP)13/15

Jld. 4X (621)

Ogos 1997.

En. Mat Kilau bin Idris.
No. 17 Perumahan Awam,
36700 Langkap.
Perak.

Tuan,

**Kebenaran Bagi Menjalankan Kajian Ke Sekolah-Sekolah,
Jabatan-Jabatan Dan Institusi-Institusi Di Bawah
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Adalah saya diarah untuk memaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian mengenai

**“Kuasa Merotan Dapat Meningkatkan Prestasi Disiplin Di Kalangan
Pelajar Sek.Men. Daerah Hilir Perak”.**

diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada hanya apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang puan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampei kaaian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri vane berkenaan.**


3. Tuan juga dikehendaki menghantar senaskhah hasil kajian tuan ke Bahagian ini sebaik sahaja selesai kelak.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ CINTAILAH BAHASA KITA ”

Saya yang menurut perintah,



(DR. ABD. KARIM'B. MD. NOR)

b.p. Pengarah Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan,

b.p. Pendaftar Besar Sekolah-Sekolah dan Guru-Guru.

Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k:

✓ Pengarah Pendidikan.
Jabatan Pendidikan Perak.

Dekan.
Sekolah Siswazah,
UUM.

Lampiran

Nama Pelajar Program Cadangan Tajuk	Ab. Rahman b. Jusoh (80371) Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB-5 Merotan Boleh Mengawal Displin dan Meningkatkan Prestasi Akademik Pelajar
Nama Pelajar Program Cadangan Tajuk	Kamarudin b. Mansur (80378) Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB-5 Menilai Tahap Literasi Komputer di Kalangan Guru-guru di Daerah Kuala Muda/Yan
Nama Pelajar Program Cadangan Tajuk	Mohd. Fikry b. Sutan Tahrudin (80384) Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB-5 Kecenderungan Untuk Berhenti Kerja Awal di kalangan Guru-guru Sarjana: Satu Kajian Kes terhadap Guru-guru Lulusan MSc. (Management) UUM/IAB Kohort 3,4,5
Nama Pelajar Program Cadangan Tajuk	Muhammad Zaini b. Mohd. Zain (80385) Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB-5 Computer Assisted School Administration (CASA): Factors Crucial for the Success of its Implementation at Residential School in Kedah Darulaman
 Nama Pelajar Program Cadangan Tajuk	Mat Kilau b. Idris (80387) Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB-5 Pengurusan Devians Remaja: Satu Kajian Gejala Ponteng Sekolah Daerah Hilir Perak
Nama Pelajar Program Cadangan Tajuk	Ariffin b. Che Yahya (80391) Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB-5 Kepimpinan yang Berasaskan Pengupayaan (Empowerment) dalam Pengurusan Sekolah: Tinjauan pelaksanaan di Sekolah Menengah Hamzah, Machang Kelantan
Nama Pelajar Program Cadangan Tajuk	Tauhid Ahmad b. Hj. Shamsuddin (80402) Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB-5 Faktor-faktor Pencapaian Matematik Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) Pelajar-pelajar Tingkatan 1 , Daerah Kinta, Perak